

# ekuinas

EKUITI NASIONAL BERHAD



*Sarjanakan Serpadan*

Laporan Tahunan 2016









---

# Sarjanakan Sempadan

Seperti nenek moyang kita yang telah menerokai dan meluaskan sempadan baharu, di Ekuinas, cita-cita kami turut didorong oleh keinginan yang sama untuk meningkatkan pembangunan negara, mengembangkan dan mempelbagaikan portfolio kami ke dalam industri dan pasaran baharu. Portfolio kami yang sedang membangun kini terdiri daripada pelbagai industri seperti Minyak & Gas, Pendidikan, Peruncitan, Penjagaan Kesihatan dan lain-lain lagi. Kami melangkah di atas jalan ini berbekalkan pengurusan fiskal dengan penuh hemat dan waspada, memanfaatkan kekuatan asas dan berpegang teguh kepada nilai-nilai kami.

Melalui **ILTIZAM**, rangka kerja Tanggungjawab Sosial Korporat kami, Ekuinas memberi perubahan bermakna terhadap pemilik perniagaan kecil, graduan muda dan kumpulan masyarakat yang kurang diberi perhatian ke arah menjamin masa depan yang mampan.

---



---

# Visi

Untuk menjadi syarikat pengurusan dana  
ekuiti persendirian bertaraf dunia

# Misi

Untuk melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang  
seterusnya, di samping menggalakkan penglibatan Bumiputera dalam  
ekonomi secara saksama, efektif dan mampan

# Nilai-nilai Syarikat

## Didorong Secara Komersial

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

## Prestasi Tinggi

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai lebih daripada sasaran

## Berdasarkan Merit

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

## Bersemangat

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

## Fokus

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

## Rendah Diri

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami

---

---

# Mengenai Kami

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi menerusi penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia.

---

## Bagaimana Ekuinas Beroperasi?

Berdasarkan model ekuiti persendirian (PE):

- pelaburan dalam syarikat berpotensi tinggi
    - mengembangkan syarikat secara agresif
  - menjual kembali ekuiti setelah syarikat menjadi besar dan meneraju pasaran
- 

### Objektif utama

### Kaedah Penting

### Kumpulan utama

#### Objektif Kewangan

Menggalakkan penginstitutionian ekuiti Bumiputera

Sasaran pulangan:  
Min IRR 12% setahun

#### Pelaburan Langsung

Pelaburan secara langsung

Pelaburan *buy-out* dan  
'*controlling stake*'

#### Usahawan

Membantu usahawan dengan modal risiko

Meningkatkan keupayaan dengan penyeliaan profesional

#### Objektif Sosial

Menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera

- Pemilikan ekuiti
- Pengurusan
- Peluang pekerjaan
- Mewujudkan nilai di seluruh rantaian bekalan

#### Program Penyumberan Luar

Modal diperuntukkan kepada Pengurus Dana penyumberan Luar (OFM) untuk tujuan pelaburan

OFM perlu menarik modal luaran

Fokus kepada pelaburan modal pertumbuhan

#### Pengurusan Profesional

Peluang kepada pengurus berkaliber untuk mendapatkan Skim Insentif Ekuiti berdasarkan prestasi



---

# Kandungan

## RINGKASAN TAHUNAN

Sepintas Lalu 2016	12
Maklumat Penting Kewangan 2016	14
Sorotan Kewangan selama Lima Tahun	22
Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh The Boston Consulting Group	24
Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif	32

## KEPIMPINAN

Struktur Korporat	40
Maklumat Korporat	42
Struktur Organisasi	43
Lembaga Pengarah	44
Pengurusan Kanan	52

## PRESTASI

Laporan Prestasi Pelaburan	56
----------------------------	----

## TADBIR URUS KORPORAT

92	Penyata Tadbir Urus Korporat
104	Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
111	Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko
116	Dasar Pendedahan

## HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN

120	ILTIZAM bersama Ekuinas
122	ILTIZAM untuk Keusahawanan
124	ILTIZAM untuk Pendidikan
126	ILTIZAM untuk Komuniti
128	Ringkasan 2016
129	Skim Jejak Jaya Bumiputera

## LAPORAN PORTFOLIO

130
-----

## GLOSARI

148
-----



Imbas kod QR ini untuk  
melayari laman web rasmi Ekuinas

---

*Ringkasan  
Sahman*

---

12	Sepintas Lalu 2016
14	Maklumat Penting Kewangan 2016
22	Sorotan Kewangan selama Lima Tahun
24	Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh The Boston Consulting Group
32	Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

# Sepintas Lalu 2016

## PRESTASI PELABURAN

### Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

PRESTASI PELABURAN	IRR KASAR	IRR BERSIH
RM <b>466.4</b> JUTA	<b>13.1%</b> SETAHUN	<b>9.4%</b> SETAHUN

### Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

PRESTASI PELABURAN	IRR KASAR	IRR BERSIH
RM <b>331.6</b> JUTA	<b>18.1%</b> SETAHUN	<b>12.7%</b> SETAHUN

### Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

PRESTASI PELABURAN	IRR KASAR	IRR BERSIH
RM <b>120.7</b> JUTA	<b>9.8%</b> SETAHUN	<b>8.7%</b> SETAHUN

## JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN

### Bilangan Pelaburan Langsung Dan Program Penyumberan Luar

**53**

### Pelaburan Langsung

**29**

### Penyumberan Luar

**24**

### Jumlah Pelaburan Komited Oleh Ekuinas

RM **3.0** BILION

### Jumlah Kemasukan Modal Ke Dalam Ekonomi Negara, Bersama-sama Dengan Rakan Pelabur Swasta

RM **3.6** BILION



**PRESTASI  
OBJEKTIF SOSIAL**  
– GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN  
PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Peningkatan Dalam Ekuiti Bumiputera

RM **3.9** BILION  
1.4 KALI GANDA MODAL DILABUR

Peningkatan Dalam Jumlah  
Nilai Pemegang Saham

RM **5.6** BILION  
2.0 KALI GANDA MODAL DILABUR

Peningkatan Pengurusan Bumiputera Sejak  
Kemasukan Ekuinas Di Dalam Syarikat

**16.9**%

Peningkatan Kakitangan Bumiputera Sejak  
Kemasukan Ekuinas Di Dalam Syarikat

**29.7**%

**SYARIKAT  
PENGURUSAN DANA**

Jumlah Dana Di Bawah Pengurusan (FuM)

RM **4.1** BILION

Perbelanjaan Operasi (OPEX)

RM **44.9** JUTA

Nisbah OPEX Kepada FuM

**1.1**%

Keuntungan Selepas Cukai

RM **19.1** JUTA

# Maklumat Penting Kewangan 2016

## 1 PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

	2016 RM juta	2015 RM juta
Dana diterima daripada YEN pada tahun ini	300.0	600.0
Dana kumulatif diterima daripada YEN	3,900.0	3,600.0
Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini	-	-
Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN	200.0	200.0

## 2 DANA DITUBUHKAN

	Tahun Ditubuhkan	Saiz Dana RM juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
EkuiNAS Direct (Tranche I) Fund	2010	1,000.0	<i>Buy-out</i> dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1 tahun	Dilaburkan sepenuhnya
EkuiNAS Direct (Tranche II) Fund	2012	1,000.0	<i>Buy-out</i> dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Dikomitedkan sepenuhnya
EkuiNAS Direct (Tranche III) Fund	2014	1,500.0	<i>Buy-out</i> dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Sedang dilaburkan
EkuiNAS Outsourced (Tranche I) Fund	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 tahun	Sedang dilaburkan
EkuiNAS Outsourced (Tranche II) Fund	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 tahun	Sedang dilaburkan

## 3 JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2016 RM juta	2015 RM juta
Pelaburan Langsung	3,500.0	3,500.0
Penyumbangan Luar	640.0	640.0
	<b>4,140.0</b>	4,140.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	<b>4,402.0*</b>	4,402.0*

\* Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada 2015.

## Maklumat Penting Kewangan 2016

## 4 RINGKASAN PRESTASI DANA

## a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Terkumpul

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
<b>2016</b>			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	11	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	14	1,043.9	1,043.9
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	4	298.4	298.4
<b>Jumlah – Pelaburan Langsung</b>	<b>29</b>	<b>2,600.5</b>	<b>2,722.6</b>
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	9	87.6	162.4
<b>Jumlah – Penyumberan Luar</b>	<b>24</b>	<b>351.6</b>	<b>870.8</b>
<b>Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar</b>	<b>53</b>	<b>2,952.1</b>	<b>3,593.4</b>
<b>2015</b>			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	11	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	13	989.3	989.3
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	3	229.8	229.8
<b>Jumlah – Pelaburan Langsung</b>	<b>27</b>	<b>2,477.3</b>	<b>2,599.4</b>
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	4	38.2	81.8
<b>Jumlah – Penyumberan Luar</b>	<b>19</b>	<b>302.2</b>	<b>790.2</b>
<b>Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar</b>	<b>46</b>	<b>2,779.5</b>	<b>3,389.6</b>

## b. Ringkasan Aktiviti Pelupusan Terkumpul

	Jumlah Bilangan Pelupusan	Jumlah Terealisasi RM juta
<b>2016</b>		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	10	1,117.0
<b>2015</b>		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	9	1,055.2

# Maklumat Penting Kewangan 2016

## 4 RINGKASAN PRESTASI DANA

### c. Ringkasan Prestasi Kewangan

	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR)	IRR Bersih
<b>Dana Pelaburan Langsung</b>			
<b>2016</b>			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	466.4	13.1% setahun	9.4% setahun
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	331.6	18.1% setahun	12.7% setahun
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund*	-	N/M	N/M
<b>2015</b>			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	591.3	14.8% setahun	10.9% setahun
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	133.3	13.0% setahun	5.7% setahun
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund*	-	N/M	N/M
<b>Dana Penyumberan Luar</b>			
<b>2016</b>			
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	120.7	9.8% setahun	8.7% setahun
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund*	-	N/M	N/M
<b>2015</b>			
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	52.2	6.3% setahun	5.0% setahun
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund*	-	N/M	N/M

\* Prestasi kewangan Ekuinas Direct (Tranche III) Fund dan Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

### d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar

	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan
<b>2016</b>	3,925.7	1.4x	5,554.9	2.0x
2015	3,750.8	1.6x	4,702.7	2.1x



## Maklumat Penting Kewangan 2016

## 5 EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)

	2016 RM juta	2015 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	4,140.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	44.9	44.1
Nisbah OPEX kepada FuM	1.1%	1.1%
Keuntungan selepas Cukai (PAT)	19.1	26.4

## 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

## a. Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

	2016 RM juta	2015 RM juta
Saiz Dana	1,000.0	1,000.0
Jumlah Pelaburan	11	11
<b>Aktiviti Pelaburan</b>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	1,258.2	1,258.2
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	1,380.3	1,380.3
<b>Aktiviti Pelupusan</b>		
Bilangan Pelupusan	6	5
Jumlah Terealisasi	908.0	846.2
<b>Prestasi Kewangan</b>		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	466.4	591.3
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) %	13.1% setahun	14.8% setahun
IRR Bersih %	9.4% setahun	10.9% setahun
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	788.9	963.4
Nilai Aset Bersih (NAB)	636.7	798.5

# Maklumat Penting Kewangan 2016

## 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

### b. Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

	2016 RM juta	2015 RM juta
Saiz Dana	1,000.0	1,000.0
Jumlah Pelaburan	14	13
<b>Aktiviti Pelaburan</b>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	1,043.9	989.3
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	1,043.9	989.3
<b>Aktiviti Pelupusan</b>		
Bilangan Pelupusan	4	4
Jumlah Terealisasi	209.0	209.0
<b>Prestasi Kewangan</b>		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	331.6	133.3
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) %	18.1% setahun	13.0% setahun
IRR Bersih %	12.7% setahun	5.7% setahun
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	1,081.7	813.8
Nilai Aset Bersih (NAB)	1,232.1	954.6

## Maklumat Penting Kewangan 2016

## 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

## c. Ekuinas Direct (Tranche III) Fund\*

	2016 RM juta	2015 RM juta
Saiz Dana	1,500.0	1,500.0
Jumlah Pelaburan	4	3
<b>Aktiviti Pelaburan</b>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	298.4	229.8
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	298.4	229.8
<b>Aktiviti Pelupusan</b>		
Bilangan Pelupusan	-	-
Jumlah Terealisasi	-	-

\* Prestasi kewangan Ekuinas Direct (Tranche III) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

# Maklumat Penting Kewangan 2016

## 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

### d. Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

	2016 RM juta	2015 RM juta
Saiz Dana	400.0	400.0
Jumlah Pelaburan	15	15
<b>Aktiviti Pelaburan</b>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan oleh OFM	374.2	374.2
- Pelaburan Komited oleh Ekuinas	264.0	264.0
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	708.4	708.4
<b>Prestasi Kewangan</b>		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	120.7	52.2
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) %	9.8% setahun	6.3% setahun
IRR Bersih %	8.7% setahun	5.0% setahun
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	408.9	329.5
Nilai Aset Bersih (NAB)	408.9	329.5



## Maklumat Penting Kewangan 2016

## 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

## e. Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund\*


	2016 RM juta	2015 RM juta
Saiz Dana	240.0	240.0
Jumlah Pelaburan	9	4
<b>Aktiviti Pelaburan</b>		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan oleh OFM	143.4	62.8
- Pelaburan Komited oleh Ekuinas	87.6	38.2
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	162.4	81.8

\* Prestasi kewangan Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

# Sorotan Kewangan selama Lima Tahun

Jumlah Dana Diterima


RM juta



- Dana diterima pada tahun semasa
- Dana terkumpul sehingga akhir tahun sebelumnya

Jumlah Bilangan dan Nilai Pelaburan Komited


RM juta



- Pelaburan Langsung
- Program Penyumberan Luar

Jumlah Kemasukan Modal Ke Dalam Ekonomi Negara


RM juta



- Pelaburan Langsung
- Program Penyumberan Luar

Pelaburan Langsung – Jumlah Bilangan Pelupusan Dan Nilai Direalisasi

RM juta




- Pelupusan pada tahun semasa
- Pelupusan terkumpul

# Sorotan Kewangan selama Lima Tahun

Prestasi Dana – Ekuinas Direct (Tranche I) Fund


RM juta



- Pulangan Kasar Portfolio Terealisasi
- Pulangan Kasar Portfolio Tidak Terealisasi
- Kadar Pulangan Dalamana (IRR) Kasar setahun

Prestasi Dana – Ekuinas Direct (Tranche II) Fund


RM juta



- Pulangan Kasar Portfolio Terealisasi
- Pulangan Kasar Portfolio Tidak Terealisasi
- Kadar Pulangan Dalamana (IRR) Kasar setahun

Jumlah Nilai Ekuiti Bumiputera Dan Pemegang Saham Lain Yang Tercipta


RM juta



- Ekuiti Bumiputera
- Ekuiti Pemegang Saham Lain

Jumlah Dana Di Bawah Pengurusan (FuM) Dan Nisbah FuM Kepada Perbelanjaan Operasi

RM juta



- Pelaburan Langsung
- Program Penyumberan Luar
- Nisbah OPEX kepada FuM (%)

# Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Boston Consulting Group

## 1. Asia Tenggara dan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik

### *Asas kukuh bagi ASEAN*

Kesemua sepuluh negara Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) berada pada landasan yang tepat untuk mewujudkan salah sebuah zon pertumbuhan ekonomi terpenting dunia. Meskipun berdepan dengan ketidakstabilan aktiviti kewangan baru-baru ini, hasil gabungan keluaran ekonomi ASEAN telah meningkat lebih tiga kali ganda sejak 2003 dan mencecah sehingga USD2.6 trilion menjelang akhir 2015. Ekonomi ASEAN kini merupakan ekonomi ketujuh terbesar di dunia dan menjelang 2020, ia dijangka akan mendahului Jerman, pada kedudukan kelima, di belakang India.

Di samping itu, Asia Tenggara kini semakin pesat berkembang dalam membentuk satu integrasi ekonomi serantau. Komuniti Ekonomi ASEAN, yang bermatlamat untuk mewujudkan "rantau yang mempunyai pengaliran bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan dan tenaga kerja mahir serta aliran modal yang lebih bebas", dijangka dapat membantu menghapus atau mengurangkan aktiviti halangan perdagangan secara ketara di rantau ini pada masa hadapan. Walaupun terdapat ahli-ahli perniagaan yang meragui akan pencapaian penuh matlamat ini, prestasi perkembangan ASEAN dan lain-lain telah mewujudkan momentum yang kini dapat dimanfaatkan oleh sektor swasta.

Pertumbuhan populasi Asia Tenggara yang agak muda, dengan pendapatan yang semakin meningkat, menjadi pemacu utama pertumbuhan di rantau ini. Dari 2013 sehingga 2020, bilangan individu dari kelas pertengahan dan atasan di lima negara ASEAN - Indonesia, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam - diunjurkan melonjak dari 165 juta kepada 277 juta orang. Penduduk di peringkat umur bekerja di rantau ini juga kian berkembang pesat, dan dijangka meningkat hampir dua kali ganda, kepada kira-kira 500 juta menjelang tahun 2020.

Berdasarkan keadaan ini, minat dan aktiviti pelabur terus kukuh di rantau ini. Aset di bawah pengurusan (AuM) bagi ekuiti persendirian di Asia Tenggara memuncak pada USD23 bilion pada 2015, melebihi empat kali ganda aliran modal yang diuruskan berbanding pertengahan tahun 2000-an.

### *2016 yang mencabar – namun bukan satu pengakhiran buat Asia Tenggara dan Malaysia*

2016 terbukti merupakan satu tahun yang mencabar bukan sahaja di rantau ini tetapi juga ekonomi global; pertumbuhan Amerika berlegar di sekitar 2% dan pertumbuhan Eropah jatuh di bawah kadar tersebut. Brexit dan pilihan raya Presiden Trump menjadi penanda utama kepada peralihan ke arah perspektif yang bersifat *protectionist* – bagi melindungi ekonomi tempatan dan juga satu perubahan pandangan yang berbeza berbanding dorongan ke arah globalisasi dan dasar keterbukaan yang bermula sekitar 1990-an.

Walaupun bagaimanapun, tekanan ke atas Asia Tenggara dan Malaysia ekoran keadaan yang berubah-ubah ini mampu dibedung dengan dua aspek: pengukuhan permintaan domestik yang didorong oleh penggunaan swasta yang kukuh, dan kemunculan perdagangan intra-serantau yang aktif. Secara khususnya, terdapat lebih 600 juta pengguna dalam pasaran Asia Tenggara yang boleh memangkin pertumbuhan dalam tempoh terdekat ini. Menurut *The Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD), populasi muda yang sedang berkembang dan bercita-cita tinggi di rantau ini akan mengekalkan pertumbuhan penggunaan swasta melebihi 5% dalam tempoh terdekat.

Menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), di Malaysia khususnya, penggunaan dan pelaburan swasta yang berterusan akan membolehkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar berkembang sebanyak 4.5% pada tahun 2017.

Usaha untuk mengintegrasikan ekonomi serantau yang telah dilaksanakan berdekad lamanya berkemungkinan memberikan pulangan sekiranya pemencilan merupakan perkara biasa yang baru dalam norma makroekonomi. Pengukuhan perdagangan intra-serantau perlu menjadi penampan terhadap sebarang pengurangan dalam permintaan daripada pasaran maju. Perdagangan intra-ASEAN, antara pasaran Asia Tenggara, meningkat daripada USD3 bilion pada tahun 2005 kepada USD5.4 bilion pada 2015.

Asia Tenggara dan Malaysia akan menempuh pelbagai ujian, tetapi tidak akan terkesan dengan perubahan yang dialami dunia. Aktiviti ekuiti persendirian akan kekal menyediakan peluang bagi para pelabur yang bijak memahami jenis-jenis pelaburan yang berupaya menghasilkan pulangan kukuh dalam realiti baru ini.



# Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Boston Consulting Group

## 2. Halangan mula terbentuk bagi aktiviti Ekuiti Persendirian di Malaysia

### *Nilai urus niaga PE berkurangan pada 2016, di sebalik minat berterusan dalam pasaran pengguna*

Nilai urus niaga ekuiti persendirian di Asia Tenggara terus menunjukkan arah aliran menurun sejak ianya bermula pada 2015. Pengurus dana – seolah-olah dapat meramal impak 2016 ke atas perniagaan berorientasikan eksport – bertaruh atas peningkatan kuasa pembeli kelas pertengahan Asia Tenggara dan mensasarkan pelaburan dalam pasaran pengguna. Kebanyakan pelaburan tersebut beroperasi dalam bidang makanan dan peruncitan, yang mendapat manfaat daripada kenaikan kukuh dalam permintaan pengguna serantau.

Penglibatan awal General Atlantic di Indonesia berlaku pada akhir 2016 melalui pelaburan dalam cabang F&B Kumpulan Mitra, anak syarikat yang mengurus pelbagai cawangan francais termasuk Starbucks. Di Singapura, tema F&B kembali diperkukuh apabila PAG Asia Capital membuat pelaburan dalam rangkaian restoran Paradise Singapura.

Minat yang ditunjukkan dalam bidang peruncitan amat ketara terutamanya di Malaysia. Dua daripada urus niaga bernilai tinggi pada 2016 adalah pemerolehan kepentingan dalam rangkaian pasar raya: TF Value-Mart oleh KV Asia Capital, dan Jaya Grocer oleh konsortium yang diketuai oleh bahagian ekuiti persendirian di CIMB. Satu lagi urus niaga utama dalam bidang peruncitan adalah termasuk pelaburan Ekuinas dalam Al-Ikhsan dan pegangan Creador dalam Redcap Pharmacy.


Sejajar dengan keadaan pasaran global yang kekal berhati-hati dan ekonomi maju (yang kebanyakannya adalah dalam kalangan rakan dagangan terbesar negara Asia Tenggara) menjauhi situasi yang tidak menyenangkan, pelabur di rantau ini mungkin akan memberi tumpuan kepada penggunaan domestik untuk mendapatkan pulangan.

### Rajah 1: Jumlah nilai urus niaga di Malaysia dan Asia Tenggara


Nilai urus niaga di Asia Tenggara lebih rendah daripada nilai pada 2015 dan hampir separuh daripada nilai pada 2014

Lebih 30% urus niaga Asia Tenggara pada 2016

Nilai Urus Niaga di Asia Tenggara (USD Bn)



Bilangan Urus Niaga di Asia Tenggara



Berdasarkan urus niaga PE yang diumumkan dan dimuktamadkan, tidak termasuk modal teroka, hartanah dan infrastruktur  
 Sumber: Analisis Preqin, BCG

# Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Boston Consulting Group


## *Aktiviti pelupusan ekuiti persendirian berkurang – pengurus dana mungkin perlu memikirkan semula pilihan*

2016 menyaksikan penurunan aktiviti pelupusan yang berterusan di Asia Tenggara yang berlaku pada tahun 2015. Seperti tahun sebelumnya, tunggak penting dalam aktiviti pelupusan adalah jualan dagangan – yang membentuk sekitar 35% daripada jumlah pelupusan.

Pasaran awam di Malaysia terus menjadi pilihan yang sukar bagi dana PE melupuskan pegangan kepentingan mereka – hanya sebelas IPO dilaksanakan dengan nilai gabungan sebanyak lebih USD200 juta, dan tiada di antaranya merupakan penyenaiaan pegangan PE.

Di dalam negara, pengurus dana mungkin perlu meneroka alternatif lain bagi tujuan pelupusan, termasuk di bursa asing yang mempunyai kecairan lebih tinggi, serta mencari pembeli dari luar Malaysia.

**Rajah 2: Bilangan pelupusan PE di Asia Tenggara**



Berdasarkan urus niaga PE yang diumumkan dan dimuktamadkan, tidak termasuk modal teroka, hartanah dan infrastruktur  
 Sumber: Analisis Preqin, BCG

# Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Boston Consulting Group

## ***Kedua-dua Dana AuM dan rizab tunai semakin mendatar***

Saiz keseluruhan dana ekuiti persendirian yang berpangkalan di Asia Tenggara semakin berkurangan sejak tahun 2015. Jumlah modal yang tidak dilaburkan atau rizab tunai untuk pelaburan bagi pengurus dana juga, tetapi kekal tinggi pada jumlah USD6 bilion. Di rantau ini, rizab tunai adalah bersamaan lebih 30% daripada jumlah AuM – kadar yang agak sama bagi pengurus dana yang berpangkalan di Malaysia.


Pengurus dana di Malaysia dan rantau ini masih mempunyai dana yang mencukupi – seandainya sasaran pelaburan mula kelihatan menarik pada tahun 2017, kita mungkin melihat persaingan sengit dalam mendapatkan urus niaga.

**Rajah 3: AuM dan rizab tunai yang dimiliki oleh PE Asia Tenggara**


Jumlah ekuiti persendirian AuM Asia Tenggara berkurang kepada USD22Bn

Rizab tunai semakin mendatar

**Jumlah AuM (USD Bn)**



**Rizab tunai (USD Bn)**



*Termasuk semua jenis dana ekuiti persendirian kecuali modal teroka  
Sumber: Analisis Preqin, BCG*


# Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Boston Consulting Group

## *Aktiviti pengumpulan dana stabil di peringkat serantau*

Aktiviti pengumpulan dana di rantau ini kekal stabil, dengan 20 dana ditutup pada 2016. Seperti tahun-tahun sebelumnya, dana yang berpangkalan di Malaysia kekal sebagai minoriti. Hanya dua dana yang berpangkalan di Malaysia ditutup pada tahun 2016 iaitu dana yang diuruskan oleh bahagian ekuiti persendirian CIMB dan Navis Capital Partners.

Dana yang berpangkalan di Malaysia kekal sebagai minoriti di Asia Tenggara.

**Rajah 4: Bilangan dan purata saiz dana PE yang ditutup di Asia Tenggara**



Termasuk semua jenis dana ekuiti persendirian kecuali modal teroka  
 Sumber: Analisis Prequin, BCG

# Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Boston Consulting Group

### 3. Apakah rancangan seterusnya bagi Ekuiti Persendirian Malaysia?

Meskipun Asia Tenggara dan Malaysia berhadapan dengan beberapa halangan dan aktiviti PE menjadi kurang aktif pada 2016, tahun ini mungkin memberi peluang kepada pengurus dana Malaysia untuk berjaya. Pengurus dana Malaysia berkemungkinan dapat berkembang dan memainkan peranan lebih besar di peringkat serantau dalam masa terdekat – sekiranya mereka dapat menguasai cara bagaimana melabur modal yang lebih besar dalam pasaran yang mempunyai sasaran pelaburan yang agak kecil.

#### *Modal yang lebih besar untuk pelaburan masa terdekat*

Kita mungkin dapat mula melihat peningkatan bilangan modal yang lebih besar mencari peluang pelaburan dalam pasaran swasta. Dalam pada dana institusi Malaysia cuba untuk mengembangkan AuM, dan pada masa yang sama cuba untuk mengekalkan pulangan serta memastikan ketersediaan pilihan yang berdaya maju disediakan untuk pelaburan modal, peruntukan portfolio yang lebih tinggi dalam aset alternatif seperti ekuiti persendirian dilihat sebagai satu langkah yang logik.

Institusi tempatan besar seperti KWAP (Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan) dan KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) (yang menguruskan lebih RM800 bilion dalam aset pelaburan apabila digabungkan) memperuntukkan hanya 2-3% daripada portfolio mereka untuk PE. Beberapa institusi pasaran maju yang serupa dilihat mempunyai peruntukan PE yang lebih besar: sekitar 8% di CALPERS (Sistem Persaraan Pekerja Awam California) dan hampir 16% di Lembaga Pelaburan Pelan Pencen Kanada.

Satu lagi sumber aliran masuk ke dalam pasaran PE adalah modal antarabangsa dan serantau yang mencari urus niaga di pasaran Malaysia. Lanjutan daripada kelemahan Ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat dan penanda aras pasaran penilaian awam yang dibedung oleh sikap 'tiada risiko', penilaian domestik kelihatan agak murah kepada pembeli asing. Disebabkan oleh strategi serantau dan supra-serantau mereka, rakan kongsi terhad asing secara semula jadinya akan cenderung untuk melaburkan jumlah modal yang lebih besar.

#### *Peluang yang ada tidak cukup besar*

Dana-dana ini akan menghadapi cabaran untuk melaburkan kumpulan modal yang lebih besar dalam sasaran pelaburan menarik yang mempunyai saiz lebih kecil berbanding dengan pasaran yang lebih maju. Purata saiz urus niaga yang dicatatkan di Malaysia dalam tempoh lima tahun ini adalah 40% lebih kecil berbanding rantau besar Asia Pasifik. Kumpulan dana yang lebih besar akan menghadapi kesukaran untuk mencari urus niaga bernilai tinggi bagi memenuhi saiz pelaburan minimum mereka.

Laluan bagi aktiviti pelupusan pelaburan PE akan berhadapan kekangan apabila urus niaga bersaiz lebih kecil – minat pembeli dagangan lazimnya terhad kepada ruang domestik dan mungkin tidak cukup besar untuk membolehkan IPO domestik yang signifikan, apatah lagi penyenaiaan di bursa asing.

Sasaran pelaburan yang kecil adalah lebih sesuai untuk pelan penciptaan nilai yang dipacu PE. Pengikhtisasan pengurusan, peningkatan kecekapan operasi, dan pengembangan ke peringkat antarabangsa adalah beberapa contoh bidang yang memerlukan sokongan bagi sasaran pelaburan Malaysia yang kurang maju. Walau bagaimanapun, ekonomi penciptaan nilai dalam syarikat-syarikat yang lebih kecil adalah kurang menarik kerana pengurus dana.



# Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Boston Consulting Group

## 4. Penciptaan nilai - kuasa strategi beli dan bina

Sekiranya pemahaman cara melaburkan modal besar secara berkesan dalam pasaran yang penuh dengan peluang pelaburan yang kecil adalah kunci utama bagi pengurus dana Malaysia – mereka yang ingin berjaya mungkin boleh menggunakan strategi beli dan bina. Strategi beli dan bina melibatkan pengurus dana yang menggunakan satu pelaburan awal sebagai 'platform' dan kemudian mengintegrasikan dengan pelaburan tambahan, di mana gabungan pemerolehan ini menjadi satu pelaburan yang lebih besar dan lebih berharga.

### *Prestasi strategi beli dan bina cemerlang: Tambahan IRR melebihi 8% bagi urus niaga beli dan bina berbanding urus niaga sendiri*

BCG, bersama-sama HHL Leipzig Graduate School of Management, baru-baru ini menganalisa lebih 2,300 urus niaga untuk menilai bagaimana strategi beli dan bina dapat meningkatkan nilai dan bila strategi ini memberikan hasil terbaik. Kajian mendapati bahawa prestasi urus niaga beli dan bina mengatasi prestasi urus niaga sendiri PE, dengan menjana purata IRR 31.6% sejak kemasukan sehingga pelupusan, berbanding dengan IRR 23.1% untuk urus niaga sendiri.

Beberapa kesimpulan utama diperoleh iaitu:

#### **i. Kecil seringkali adalah lebih baik**

Urus niaga bagi platform pelaburan kecil melalui strategi beli dan bina mempunyai prestasi yang jauh lebih baik berbanding pelaburan lebih besar. Urus niaga bagi syarikat dengan platform kecil menjana purata IRR sebanyak 52.4% dari peringkat kemasukan sehingga pelupusan, berbanding dengan 34.6% untuk urus niaga bersaiz sederhana dan 12.5% bagi urus niaga bersaiz besar. Berdasarkan prestasi yang ditunjukkan, kami membuat kesimpulan bahawa pengembangan berganda dilihat paling pesat berlaku dalam syarikat yang mempunyai nilai-nilai perusahaan kecil; ini kerana gandaan penilaian syarikat kecil berkembang dengan lebih cepat menerusi peningkatan saiz berbanding dengan perusahaan yang lebih besar; dan sebahagiannya adalah kerana syarikat-syarikat kecil lazimnya mendominasi industri-industri yang mempunyai bilangan penyertaan yang tinggi, yang mana wajar untuk digabungkan.

#### **ii. Pelaburan sekunder cemerlang dengan strategi beli dan bina**

Strategi beli dan bina dilihat lebih berjaya dalam pelaburan sekunder (iaitu dana PE yang membeli syarikat portfolio daripada dana lain). Tambahan pelaburan ke atas pelaburan sekunder menghasilkan purata IRR sebanyak 36.9%; sementara purata IRR bagi urus niaga beli dan bina pelaburan primer adalah 29.9%. Selepas pemilik primer melaksanakan peningkatan operasi asas syarikat, seperti margin keuntungan dan peningkatan hasil pendapatan, pemilik sekunder boleh mengaplikasikan proses peningkatan operasi selanjutnya untuk mewujudkan nilai tambahan.

#### **iii. Merentasi sempadan, mewujudkan nilai**

Sebagai contoh, pemerolehan antarabangsa dalam kajian ini telah menjana purata IRR 38.2%, berbanding dengan 27.3% bagi pemerolehan domestik dan 23.1% untuk pelaburan sendiri. Strategi beli dan bina amat berkesan apabila digunakan untuk mengembangkan perniagaan syarikat ke peringkat antarabangsa. Bagi syarikat domestik, pengembangan ini memberi peluang kepada aktiviti jualan berkait dan skala ekonomi syarikat, termasuk pengembangan berganda sekiranya langkah-langkah peningkatan perniagaan meningkatkan harapan pelabur terhadap hasil yang belum ditunjukkan melalui prestasi kewangan. Prestasi cemerlang turut ditunjukkan oleh aktiviti penambahan pelaburan apabila mereka meningkatkan kehadiran syarikat platform dalam industri tertentu, berbanding dengan aktiviti mempelbagaikan rangkaian perniagaannya.

#### **iv. Pengalaman berharga – dan mendatangkan hasil yang memberangsang**

Kami mendapati bahawa firma-firma dalam kajian kami yang mempunyai kumpulan operasi yang berpengalaman, bukan sahaja melaksanakan urus niaga dengan strategi beli dan bina tetapi juga meraih pulangan yang lebih tinggi. Firma yang mempunyai pengalaman operasi dapat menjana purata IRR sebanyak 42.8% dari urus niaga tambahan, berbanding 21.2% bagi firma tanpa pengalaman tersebut. Pengalaman dalam urus niaga beli dan bina itu sendiri memberikan perbezaan. PE yang melaksanakan pelbagai urus niaga tambahan sering menjana pulangan yang lebih tinggi berbanding firma yang kurang mengaplikasi strategi beli dan bina. Firma yang mempunyai aktiviti pemerolehan yang tinggi mencatatkan purata IRR sebanyak 36.6% berbanding 27.3% bagi firma yang kurang melaksanakan aktiviti pemerolehan. Pengajarannya adalah mudah: sekiranya mahu melaksanakan strategi beli dan bina, pengalaman amatlah berharga.

## Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia oleh Boston Consulting Group

**v. Industri yang dipilih juga penting**

Prestasi cemerlang dalam urus niaga beli dan bina adalah terhad kepada industri yang berkongsi ciri-ciri tertentu, iaitu termasuk kadar pertumbuhan yang rendah, margin rendah, dan mempunyai bilangan penyertaan yang tinggi.

**vi. Pencipta nilai peringkat seterusnya**

Analisis kami mengesahkan bahawa syarikat-syarikat portfolio yang melalui strategi beli dan bina menunjukkan prestasi cemerlang, di mana kumpulan di kedudukan kuartil pertama biasanya berkongsi set kriteria tertentu. Dalam kes seperti ini, syarikat portfolio:

- Adalah bersaiz kecil atau sederhana
- Mempunyai firma PE yang mempunyai pengalaman dalam operasi dan strategi beli dan bina
- Menawarkan platform operasi yang cekap dan berskala
- Operasi syarikat mempunyai pertumbuhan yang rendah, keuntungan rendah dalam industri yang mempunyai bilangan penyertaan yang tinggi
- Melaksanakan satu atau dua pemerolehan tambahan
- Mensasarkan pemerolehan tambahan dalam industri teras syarikat
- Melaksanakan strategi beli dan bina untuk berkembang ke peringkat antarabangsa

### Strategi beli dan bina – implikasi kepada ekuiti persendirian Malaysia

Strategi beli dan bina boleh digunakan oleh pengurus dana untuk memadankan kumpulan modal yang besar dengan sasaran pelaburan yang lebih kecil dalam pasaran Malaysia. Sepertimana yang telah disimpulkan, strategi beli dan bina memberikan hasil terbaik apabila dilaksanakan ke atas sasaran pelaburan yang kecil – menggabungkan ia dengan perniagaan kecil lain boleh menjana IRR yang lebih signifikan berbanding menggabungkan ia dengan satu syarikat yang lebih besar. Di Malaysia, ia juga akan membolehkan pengurus dana melaksanakan penciptaan nilai dengan lebih cekap: di atas satu platform tunggal dan bukannya ke atas pelbagai pelaburan berbeza, seterusnya mengurangkan bilangan kepakaran profesional terhad sedia ada yang diperlukan untuk penciptaan nilai.

Strategi beli dan bina juga membolehkan pengurus dana menangani cabaran dalam mengenalpasti cara pelupusan yang berdaya maju di Malaysia. Dengan menubuhkan satu platform utama, ia akan menyediakan syarikat-syarikat portfolio dengan skala yang mencukupi untuk penyenaaran di pasaran awam asing yang mempunyai kecairan tinggi, dan seterusnya mendapat perhatian pembeli dagangan asing yang lebih besar. Kajian kami juga menunjukkan bahawa apabila tambahan pelaburan dilaksanakan ke atas syarikat platform, dan kemudiannya menjana pengembangan ke peringkat antarabangsa, pulangnya adalah sangat tinggi. Pengurus PE domestik perlu mengambil iktibar, memanfaatkan kelebihan Malaysia sebagai pangkalan serantau, dan membangunkan syarikat peneraju serantau.

Satu pengajaran utama bagi pengurus dana yang ingin menggunakan cara ini: jangan lupa bahawa pengalaman adalah sangat berharga - dan mendatangkan hasil yang memberangsangkan. Rakan kongsi firma Malaysia perlu mengisi jurang dengan meningkatkan kebolehpayaan dalam melaksanakan strategi beli dan bina dengan pantas. Mereka memerlukan kumpulan pengurus dana yang bukan sahaja bijak menambah nilai dengan cara 'tradisional' iaitu melalui pengurangan kos dan peningkatan pendapatan, tetapi juga perlu mempunyai kepakaran dalam mengoptimumkan sinergi dan memastikan perniagaan kekal lancar semasa proses integrasi portfolio pasca-penggabungan.

Mereka yang berjaya dalam PE Malaysia adalah mereka yang membina keupayaan yang diperlukan bermula pada hari ini.

### Penulis:

- Rick Ramli adalah Rakan Kongsi & Pengarah Urusan di pejabat Asia Tenggara BCG dan mengetuai pejabat BCG di Malaysia. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel di [ramli.rick@bcg.com](mailto:ramli.rick@bcg.com)
- Zubin Rada Krishnan adalah Perunding di pejabat Asia Tenggara BCG dan merupakan ahli utama Asia-Pacific Corporate Development Task Force firma tersebut. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel di [radakrishnan.zubin@bcg.com](mailto:radakrishnan.zubin@bcg.com)

*Kami ingin memanjangkan rasa berbesar hati kami kepada The Boston Consulting Group kerana telah menyumbang artikel "Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia" bagi memberi gambaran ringkas kepada pembaca kami tentang industri ekuiti persendirian di Malaysia dan serantau.*



**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda**  
Pengerusi

**Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**  
Ketua Pegawai Eksekutif

## Pihak-Pihak Berkepentingan Yang Dihormati,

Sememangnya ia merupakan satu penghormatan buat kami untuk melaporkan prestasi, pencapaian dan cabaran yang dihadapi oleh Ekuinas pada tahun lalu, serta berkongsi pandangan dan rancangan kami untuk Ekuinas bagi tahun yang mendatang.

Ekonomi tempatan dan global sekali lagi menghadapi tahun yang mencabar. Sebagai pelabur, kami berhadapan dengan situasi ketidakpastian yang tinggi, didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan, ketidakstabilan sosial dan geopolitik, kelembapan aktiviti perdagangan global, sentimen perniagaan yang semakin lemah dan perbelanjaan pengguna yang berkurangan.

## *Perutusan Bersama* Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif



Peristiwa penting yang memberi impak kepada ekonomi global pada tahun lalu adalah termasuk keputusan United Kingdom untuk meninggalkan Kesatuan Eropah, impak dasar pendirian pentadbiran baharu Amerika Syarikat dan harga minyak yang semakin stabil namun masih belum dapat dilihat dari segi perbelanjaan dalam sektor tenaga.

Di Asia, perkara yang masih membimbangkan adalah pertumbuhan perlahan di China, pengimport kedua terbesar dunia bagi kedua-dua sektor perkhidmatan barangan dan komersial, kerana prestasi ekonomi negara tersebut mempunyai kesan lanjutan di Asia dan di seluruh dunia. Selain itu, walaupun ekonomi Jepun menunjukkan sedikit perkembangan pada tahun lepas, pertumbuhan masih lemah dan rapuh kerana sebahagian besarnya didorong oleh eksport berbanding penggunaan swasta.

Meskipun berhadapan persekitaran yang mencabar ini, kami terus menjalankan misi kami untuk menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera secara saksama dan mampan dengan mewujudkan peneraju pasaran bagi generasi akan datang. Tanggungjawab yang diamanahkan oleh pihak berkepentingan kami – pihak Kerajaan dan masyarakat sejagat – dipikul dengan penuh dedikasi.

Sebagai pengelola dan pelabur modal kerajaan, kami percaya bahawa kepercayaan yang diberikan kepada kami harus diperolehi dan dikekalkan setiap hari. Kami kekal komited dalam menjalankan aktiviti perniagaan kami secara profesional dan beretika tinggi, dibimbing oleh prinsip-prinsip tadbir urus korporat dan pengawasan serta pengawalseliaan yang tinggi oleh Lembaga Pengarah.

Dalam tempoh tujuh tahun ini, kami telah membina sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang kukuh dari segi kewangan, mempunyai budaya bekerjasama dan merupakan satu pasukan yang mempunyai kepakaran industri yang tinggi serta sikap berintegriti yang tidak berbelah bahagi. Ini merupakan asas yang membezakan kami daripada syarikat lain dan menjadi pendorong kami untuk terus maju pada tempoh-tempoh yang mencabar.

#### Prestasi Kewangan 2016

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana telah memperuntukkan RM300 juta kepada Ekuinas pada TK2016. Ini menjadikan jumlah dana terkumpul yang diterima sebanyak RM3.9 bilion atau 78% daripada jumlah RM5 bilion yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh. Seperti kebiasaannya, kami berusaha untuk mencapai pulangan pelaburan yang terbaik bagi setiap ringgit yang diperuntukkan kepada kami.

Kami gembira mengumumkan bahawa Ekuinas terus menunjukkan prestasi yang positif bagi TK2016. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk dinyatakan bahawa hasil prestasi ini bukanlah hasil daripada tindakan yang diambil dalam tempoh setahun sahaja tetapi berdasarkan usaha jangka masa panjang yang dilaksanakan dari masa ke masa dalam membina portfolio dana yang pelbagai, yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang mampu mencapai nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingannya dalam persekitaran yang berubah-ubah dan dan tidak menentu.

Kami terus memberi impak positif dalam ekonomi Malaysia dengan jumlah pelaburan komited, berdasarkan dana yang kami uruskan dan dana Program Penyumberan Luar kami, sejumlah RM3.0 bilion pada akhir tahun 2016. Bersama-sama dengan modal rakan-rakan pelabur dari sektor swasta dan syarikat ekuiti pelaburan yang bekerjasama dengan kami dalam Program Penyumberan Luar, modal keseluruhan pelaburan mencecah RM3.6 bilion.

Jumlah Dana Program  
Penyumberan Luar  
dari Ekuinas

RM **3.0** BILION

pada akhir tahun 2016

Jumlah Kemasukan  
Modal Ke Dalam  
Ekonomi Negara,  
Bersama-sama Dengan  
Rakan Pelabur Swasta

RM **3.6** BILION

Jumlah Hasil Terealisasi

RM **1.6** BILION

daripada pendapatan  
dividen, pendapatan faedah  
dan aktiviti pelupusan

## Perutusan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Operasi kekal kos  
efektif pada

1.1 %

daripada jumlah Dana  
di bawah Pengurusan  
sebanyak

RM 4.1 BILION

Walaupun persekitaran operasi sememangnya mencabar, Ekuinas berjaya mencatat keuntungan selepas cukai dan zakat sebanyak RM19.1 juta (TK2015: RM26.4 juta). Kami juga memperoleh hasil terealisasi sebanyak RM1.6 bilion daripada pendapatan dividen, pendapatan faedah dan aktiviti pelupusan.

Kedudukan kewangan yang kukuh memberi peluang kepada Ekuinas untuk melaksanakan lebih banyak pelaburan baru, dan dalam masa yang sama melindungi dan meningkatkan nilai dana-dana kami.

Sebagai firma ekuiti persendirian yang dikendalikan secara komersial dan berprestasi tinggi serta efisien, operasi kami kekal kos efektif dengan hanya 1.1% daripada jumlah Dana di bawah Pengurusan sebanyak RM4.1 bilion (TK2015: 1.1%).

### Prestasi Dana Ekuinas

Persekitaran ekonomi yang lemah dan kegawatan dalam industri minyak dan gas telah menjejaskan prestasi keseluruhan dana kami pada TK2016. Namun begitu, strategi defensif yang dilaksanakan apabila harga minyak mula jatuh pada tahun 2015 berjaya mengurangkan prestasi negatif pelaburan kami dalam sektor ini dan meminimumkan impak daripada persekitaran aset rendah.

Dua dana yang diurus iaitu Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan pencapaian yang positif dengan pulangan kasar portfolio masing-masing sebanyak RM466.4 juta dan RM331.6 juta. Ini bersamaan kadar pulangan dalaman kasar masing-masing sebanyak 13.1% dan 18.0% (TK2015: masing-masing 14.8% dan 13.0%) yang mengatasi pulangan penanda aras dalaman kami sebanyak 12% setahun dan sejajar dengan prestasi kuartil teratas dalam kalangan dana ekuiti persendirian yang melabur di Asia.

Dana termuda, Ekuinas Direct (Tranche III) Fund yang ditubuhkan pada tahun 2014 hanya telah dilaburkan sebanyak 19.9% sehingga kini. Perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah dana ini masih di peringkat awal pelaburan dan syarikat portfolio semasa bersedia untuk mengambil peluang ke atas keadaan ekonomi yang semakin baik. Dalam masa yang sama, kami akan terus mencari lebih banyak pelaburan berpotensi tinggi untuk diperoleh pada harga yang berpatutan.

Penilaian ke atas prestasi dana kami juga lebih sesuai dilaksanakan dengan perspektif jangka panjang kerana Ekuinas sentiasa berusaha menjana pulangan bagi jangka hayat setiap dana, bukannya pulangan daripada syarikat-syarikat individu dalam tempoh setahun.

Kini kami mempunyai komitmen pelaburan sebanyak RM3.0 bilion meliputi 39 buah syarikat di bawah ketiga-tiga dana yang diuruskan secara langsung sehingga akhir TK2016 (TK2015: RM2.8 bilion dalam 33 buah syarikat). Kebanyakan syarikat-syarikat portfolio kami telah melaksanakan strategi yang bersesuaian dengan persekitaran yang mencabar ini dan jumlah hasil pendapatan telah meningkat sebanyak 2.7% pada tahun ini (TK2015: -2.2%).

Program Penyumberan Luar kami, yang dikendalikan oleh firma ekuiti persendirian pihak ketiga dikenali sebagai Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM), juga mengakhiri tahun ini dengan prestasi yang berbeza. Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund mencatatkan pulangan kasar portfolio sebanyak RM120.7 juta, dengan IRR Kasar sebanyak 9.8% setahun dan IRR Bersih sebanyak 8.7% setahun.

Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian nasional, kami menyedari akan peranan kami dalam menyediakan dana kepada perniagaan untuk merealisasikan potensi dan meningkatkan operasi mereka. Seperti biasa, kami memperuntuk dan menyalurkan



## Perutusan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

**Dua dana yang diurus iaitu Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan pencapaian yang positif dengan pulangan kasar portfolio masing-masing sebanyak RM466.4 juta dan RM331.6 juta. Ini bersamaan kadar pulangan dalaman kasar masing-masing sebanyak 13.1% dan 18.0% (TK2015: masing-masing 14.8% dan 13.0%) yang mengatasi pulangan penanda aras dalaman kami sebanyak 12% setahun dan sejajar dengan prestasi kuartil teratas dalam kalangan dana ekuiti persendirian yang melabur di Asia.**

dana dengan cara yang berhemah dan berhati-hati untuk memastikan pelaburan dilaksanakan apabila prospek adalah benar-benar menarik dan hanya dalam syarikat di mana kami akan dapat menambah nilai.

Dalam usaha mencari syarikat berpotensi tinggi pada 2016, kami juga cuba untuk meningkatkan kepelbagaian pelaburan kami, satu strategi yang terbukti mengurangkan risiko dan ketidaktentuan dalam portfolio. Sehingga kini, kami telah melabur dalam enam sektor: pendidikan, minyak dan gas, penjagaan kesihatan, barangan pengguna laris (FMCG), perkhidmatan dan peruncitan, termasuk makanan dan minuman dan segmen sukan.

Pada TK2016, kami telah membuat pelaburan bernilai RM172.6 juta, iaitu sejumlah RM123.2 juta menerusi dana yang diurus oleh Ekuinas dan RM49.4 juta menerusi Program Penyumberan Luar kami.

Satu pelaburan penting yang dilaksanakan pada tahun ini adalah pemerolehan ekuiti dalam syarikat peruncitan barangan sukan Bumiputera, Al-Ikhsan. Segmen peruncitan adalah salah satu daripada enam sektor sasaran Ekuinas dan pemerolehan ini menandakan kemasukan kami dalam segmen peruncitan sukan. Sebelum ini, Ekuinas hanya tertumpu dalam industri peruncitan makanan dan minuman.

Al-Ikhsan menerajui pasaran peruncitan pelbagai jenama sukan di Malaysia dan memenuhi minat pelanggan yang semakin meningkat dalam bidang kesihatan dan kecergasan di rantau ini. Kami melihat peluang yang tinggi untuk mengembangkan capaian syarikat tersebut, meningkatkan kecekapan kos dan mentransformasi Al-Ikhsan menjadi peneraju pasaran serantau pada tahun-tahun mendatang.

Sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan untuk merealisasikan keuntungan pelaburan kami di bawah Ekuinas Direct (Tranche I) Fund, kami telah melupakan pelaburan pertama kami iaitu Alliance Cosmetics Group (ACG) pada tahun 2016. Ia merupakan satu pelaburan menguntungkan yang mencatat kadar pulangan dalaman kasar sebanyak 9.0%. Sehingga kini, termasuk pelupusan ACG, jumlah keuntungan terkumpul yang berjaya direalisasikan adalah sebanyak RM1.1 bilion.

Jumlah Pelaburan  
Komited pada 2016

RM **172.6** JUTA

Pelaburan Langsung

RM **123.2** JUTA

Program Penyumberan Luar

RM **49.4** JUTA

## Perutusan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

### Peningkatan Pemilikan Ekuiti Bumiputera

RM **3.9** BILION

1.4 kali ganda Modal Dilabur

### Peningkatan dalam Nilai Pemegang Saham

RM **5.6** BILION

2.0 kali ganda Modal Dilabur

### Peningkatan Bumiputera

PENGURUS

**16.9** %

KAKITANGAN

**29.7** %

sejak kemasukan Ekuinas  
di dalam syarikat

### Aktiviti Meningkatkan Nilai

Sebagai pelabur ekuiti persendirian yang aktif, Ekuinas menyediakan kedua-dua sokongan strategik dan operasi kepada syarikat-syarikat portfolio kami. Kami terus mengukuhkan dan meningkatkan pelaburan kami sepanjang tahun dalam kajian. Kami percaya bahawa keadaan pasaran semasa yang mencabar menyediakan peluang untuk kami menilai semula, menyusun semula dan mencipta semula, mana yang berkenaan, operasi dan strategi syarikat portfolio kami.

Antara aktiviti peningkatan nilai yang dilaksanakan di syarikat-syarikat termasuk pengenalan proses jualan dan perkhidmatan yang baharu, pelaksanaan metodologi pembangunan bakat dan program-program latihan, serta pembangunan sistem kewangan dan pelaporan dan sistem pengurusan francais.

Inisiatif-inisiatif penciptaan nilai ini direka untuk membina perniagaan jangka panjang yang mampan dan, seperti setiap perniagaan yang semakin berkembang, prestasi kewangan syarikat-syarikat portfolio kami pada setiap tahun adalah tertakluk kepada persekitaran makroekonomi secara keseluruhan.

Di sebalik persekitaran harga minyak rendah yang mencabar pada tahun 2016, syarikat-syarikat portfolio kami mencatatkan peningkatan kecil dalam pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) bagi TK2016 (TK2015: pertumbuhan negatif). EBITDA diunjurkan dapat berkembang sebanyak 9.0% sekiranya prestasi pelaburan kami dalam industri kitaran dikecualikan daripada gabungan pendapatan syarikat-syarikat portfolio kami.

Meskipun optimis dengan persekitaran masa hadapan, kami tetap berhati-hati dengan risiko mendepani kejadian yang tidak diduga, yang boleh membawa kepada kelarutan kemerosotan ekonomi pada tahun 2017. Seperti tahun-tahun sebelum ini, kami akan bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat portfolio kami untuk mengurangkan impak

buruk ekoran kejadian yang tidak diduga yang boleh menjejaskan pemulihan ekonomi global pada tahun-tahun akan datang.

Kami juga akan terus menguruskan dana kami secara aktif dan memberi tumpuan kepada usaha merealisasikan pulangan bagi Ekuinas Direct (Tranche I) Fund, yang telah ditubuhkan pada tahun 2010 dan dijangka ditutup pada akhir 2017. Inisiatif-inisiatif penciptaan nilai yang strategik yang telah dibangunkan untuk syarikat-syarikat portfolio melalui Ekuinas Direct (Tranche II) Fund akan dilaksanakan; dan kami akan meneruskan pencarian untuk memperoleh lebih banyak syarikat yang berpotensi tinggi untuk pelaburan di bawah Ekuinas Direct (Tranche III) Fund.

### Mencapai objektif sosial Ekuinas

Keadaan kewangan syarikat yang stabil dan usaha berterusan kami untuk meningkatkan prestasi kewangan syarikat-syarikat portfolio membolehkan Ekuinas untuk berkhidmat kepada masyarakat Bumiputera yang lebih luas. Metrik utama lain yang diukur - seperti penyertaan ekonomi Bumiputera dan bilangan kakitangan Bumiputera di peringkat pengurusan dan operasi dalam syarikat-syarikat portfolio kami - turut mencatatkan prestasi positif bagi TK2016.

Pada TK2016, dana pelaburan langsung dan dana penyumberan luar kami meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM3.9 bilion, iaitu 1.4 kali ganda daripada modal yang dilabur oleh Ekuinas (TK2015: RM3.7 bilion dan 1.6 kali ganda). Jumlah nilai pemegang saham di syarikat-syarikat portfolio kami meningkat sebanyak RM5.6 bilion, iaitu 2.0 kali ganda modal dilabur (FY 2015: RM4.7 bilion dan 2.1 kali ganda). Kami juga meningkatkan bilangan pengurus dan kakitangan Bumiputera dalam syarikat portfolio kami masing-masing sebanyak 40.4% dan 60.3% (TK2015: 31.1% dan 51.6%).

## Perutusan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

### **Kami akan terus membina keupayaan dan kepakaran kami di masa hadapan, selaras dengan aspirasi kami untuk menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian terkemuka di pasaran serantau.**

Kami amat gembira terutamanya dengan kemajuan yang dicapai oleh ILTIZAM, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ekuinas. Pada 2016, ILTIZAM terus membantu usahawan kecil, pelajar, graduan muda dan masyarakat Bumiputera dalam merealisasikan potensi mereka.

Sama seperti Ekuinas, ILTIZAM bertujuan memberikan impak positif yang besar bagi setiap ringgit yang dibelanjakan. Di mana berkaitan, ILTIZAM terlibat dengan perniagaan mikro atau perusahaan sosial yang berkelayakan untuk memenuhi objektif mereka pada 2016. Ini mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak dan mewujudkan kesan berganda yang meskipun kecil tetapi tetap memberi impak kepada masyarakat sejagat.

Kami membelanjakan sebanyak RM4.8 juta untuk aktiviti ILTIZAM dalam TK2016. Ini menjadikan jumlah peruntukan untuk inisiatif ILTIZAM melebihi RM18.0 juta, mencerminkan komitmen kami untuk terus memberi impak yang positif kepada masyarakat setempat. Sila rujuk bahagian Hal Ehwal Pihak Berkepentingan untuk maklumat lanjut mengenai kemajuan dan program ILTIZAM.

#### **Prospek dan Strategi 2017**

Selepas melalui tahun 2016 yang suram, aktiviti ekonomi dijangka meningkat pada tahun 2017 dan 2018 terutamanya dalam pasaran membangun dan pasaran baru muncul. Walau bagaimanapun, kita perlu bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan kejutan ekoran perkembangan politik di Eropah, ketidaktentuan Brexit dan dasar perlindungan perdagangan di Amerika Syarikat yang mungkin mempengaruhi aliran modal antarabangsa dan perdagangan global.

Bagi tahun akan datang, kami telah mengenal pasti beberapa syarikat berpotensi tinggi dan sedang dalam peringkat akhir untuk membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat tersebut. Kami berharap momentum yang dibina ini kekal berterusan dan dapat melaksanakan lebih banyak pemerolehan, serta melupuskan pelaburan kami, dengan harga yang bersesuaian dan pada masa yang tepat.

Usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif berterusan yang dilaksanakan di syarikat-syarikat portfolio kami untuk meningkatkan aktiviti operasi dan meraih kecekapan kos akan mendorong Ekuinas mencapai keuntungan dan pulangan ke atas pelaburan dana kami.

Kami akan terus membina keupayaan dan kepakaran kami di masa hadapan, selaras dengan aspirasi kami untuk menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian terkemuka di pasaran serantau.

Kami kekal optimis untuk berhadapan dengan tahun mendatang dan yakin bahawa Ekuinas telah bersedia untuk menghadapi cabaran pada TK2017, berdasarkan rekod cemerlang kami yang dibina di atas asas kukuh iaitu profesionalisme dan tadbir urus yang baik.

### **Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih**

Bagi pihak Ekuinas, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Lembaga Pemegang Amanah di Yayasan Ekuiti Nasional, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, yang bertanggungjawab ke atas Unit Perancang Ekonomi (UPE, JPM) dan agensi-agensi di bawah seliaannya termasuk Ekuinas, serta Seksyen Pengagihan, UPE, JPM.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada kakitangan yang bijak dan berdedikasi di Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio kami. Kami percaya bahawa kami telah mengambil langkah-langkah utama dalam memenuhi objektif Ekuinas dan kekal kukuh dalam komitmen kami untuk melakukan yang terbaik pada tahun-tahun yang mendatang.

Kami juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli Lembaga Pengarah atas komitmen dan bimbingan mereka sepanjang tahun ini. Kami mengalu-alukan kedatangan tahun baharu yang menarik dan kekal yakin bahawa kami akan dapat meneruskan rekod pencapaian kami untuk mewujudkan peneraju pasaran yang mantap dan mencapai mandat kami untuk memajukan penyertaan ekonomi Bumiputera secara mampan.

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad  
Raja Tun Uda**  
Pengerusi

**Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**  
Ketua Pegawai Eksekutif


*Kepimpinan*

---

40	Struktur Korporat
42	Maklumat Korporat
43	Struktur Organisasi
44	Lembaga Pengarah
52	Pengurusan Kanan



# Struktur Korporat





\* Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada Disember 2015.

# Maklumat Korporat

## Lembaga Pengarah

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad  
Raja Tun Uda**  
*(Pengerusi)*

**Tan Sri Dato' Seri  
Mohamed Jawhar Hassan**

**Tan Sri Mohamed  
Azman Yahya**

**Datuk Seri  
Dr Rahamat Bivi Yusoff**

**Datuk Noriyah Ahmad**

**Datuk Ali Abdul Kadir**

**Johan Mahmood Merican**  
*(Pengarah Gantian kepada  
Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff)*

**Syed Yasir Arafat  
Syed Abd Kadir**  
*(Ketua Pegawai Eksekutif)*

### JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

#### Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad  
Raja Tun Uda  
*(Pengerusi)*

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Datuk Noriyah Ahmad

#### Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan  
*(Pengerusi)*

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad  
Raja Tun Uda

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

#### Jawatankuasa Pelaburan

Tan Sri Mohamed Azman Yahya  
*(Pengerusi)*

Datuk Ali Abdul Kadir

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Mazhairul Jamaludin

Nik Johaan Nik Hashim

Idham Ismail

#### Jawatankuasa CSR

Datuk Noriyah Ahmad  
*(Pengerusi)*

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir  
*(gantian dengan Mazhairul Jamaludin)*

Nik Johaan Nik Hashim

Hizwani Hassan

#### SETIAUSAHA SYARIKAT

Saiful Nizam Yasin (LS 008955)  
Norsham Abdul Ghani (LS 01203)

#### JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers  
Chartered Accountants

#### BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad  
CIMB Bank Berhad  
Affin Bank Berhad

### ALAMAT BERDAFTAR

#### Prokhas Sdn Bhd

Tingkat 7, Bangunan Setia 1  
15 Lorong Dungun  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur

### ALAMAT PEJABAT

#### Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)

Aras 16, Menara Surian  
No. 1, Jalan PJU 7/3  
Mutiar Damansara  
47810 Petaling Jaya, Selangor

### JAWATANKUASA PENGURUSAN

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir  
*Ketua Pegawai Eksekutif*


Mazhairul Jamaludin  
*Ketua Pegawai Kewangan/Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Penyumberan Luar*

Nik Johaan Nik Hashim  
*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Hal Ehwal Pihak Berkepentingan*

Roselinda Hashim  
*Pengarah Kanan, Hal Ehwal Perundangan &  
Hal Ehwal Korporat*

Idham Ismail  
*Pengarah Kanan, Pelaburan*

# Struktur Organisasi



# Lembaga Pengarah



**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda**  
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Pada masa ini, Raja Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut: Pengerusi Maxis Berhad dan Pengarah di Khazanah Nasional Berhad serta ACR Capital Holdings. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, selain menjadi Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri. Raja Arshad juga adalah Canselor Universiti Selangor.

Raja Arshad adalah mantan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Kanan di PriceWaterCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan dan peranan terdahulu beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Majlis Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.

Raja Arshad merupakan Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.



## Lembaga Pengarah



**Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**

Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sejak Mac 2016. Beliau mengetuai ahli Jawatankuasa Pengurusan dan juga Jawatankuasa Pelaburan. Beliau merupakan Pengarah Urusan, Pelaburan di Ekuinas sejak pertubuhan dan mengambil alih peranan CEO pada Mac 2016.

Beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) yang menyelia operasi kedua-dua syarikat ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd dan ING Bank (Labuan) di Malaysia. Beliau berkhidmat selama sembilan tahun di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd bermula sebagai VP Corporate Finance di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman dan menjadi penasihat kewangan kepada beberapa syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam bidang perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

Sebelum itu, Syed Yasir Arafat pernah berkhidmat di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad dan Aseambankers Malaysia Berhad.

Syed Yasir Arafat memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Pengurusan Kewangan dari University of Essex, United Kingdom.

## Lembaga Pengarah



**Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Audit dan Risiko.

Tan Sri Dato' Seri Jawhar juga merupakan ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan menganggotai Lembaga Pengarah Affin Bank Berhad.

Tan Sri Dato' Seri Jawhar merupakan mantan Pengerusi Bukan Eksekutif di New Straits Times Press (M) Berhad dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Media Prima Berhad sehingga persaraan beliau dari jawatan-jawatan tersebut pada Ogos 2016.

Beliau juga adalah mantan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990.

Tan Sri Dato' Seri Jawhar merupakan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga adalah mantan Pengerusi Bersama bagi Majlis Keselamatan di Asia Pasifik (CSCAP)

Beliau kini seorang Expert dan Eminent Person bagi Forum Serantau ASEAN (ARF).

## Lembaga Pengarah



**Tan Sri Mohamed Azman Yahya**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Mohamed Azman Yahya ialah salah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif Symphony Life Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan AIA Group Limited. Tan Sri Azman juga adalah ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal, Suruhanjaya Sekuriti serta merupakan Pengarah Sepang International Circuit Sdn Bhd dan Pengerusi Motorsports Association of Malaysia.

Sebelum menceburi bidang perniagaan, Tan Sri Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu menyelesaikan dan menstrukturkan semula hutang bagi syarikat-syarikat berdaya maju sehingga pembubarannya pada tahun 2002.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pengalaman bekerja di bidang audit dengan KPMG di London, bidang kewangan dengan Kumpulan Ireland & Peninsular dan bidang perbankan pelaburan dengan Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Tan Sri Azman memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas satu dalam bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.



## Lembaga Pengarah



**Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff**

Pengarah Bukan Eksekutif

Datuk Seri Rahamat Bivi Yusoff menjadi Pengarah Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 19 Oktober 2011, ketika beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

Datuk Seri Dr Rahamat telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 30 tahun, di mana jawatan pertama beliau adalah sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya beliau telah memegang pelbagai jawatan, antaranya Pengarah Bahagian Belanjawan di MOF, Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di UPE, JPM, Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pengarah di Suruhanjaya Tenaga. Sebelum dilantik menjadi Ketua Pengarah UPE, JPM, Datuk Seri Dr Rahamat merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF menerajui Bahagian Sistem dan Kawalan.

Datuk Seri Dr Rahamat juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysia Thailand Joint Authority (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan MRT Corporation Sdn. Bhd. Beliau juga ialah ahli Majlis di Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Sabah Economic Development & Investment Authority (SEDIA), Sarawak Corridor of Renewable Energy (RECODA) dan East Cost Economic Region Development Council (ECERDC).

Datuk Seri Dr Rahamat memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan beliau juga telah menerima ijazah Kedoktoran dari Australian National University.

## Lembaga Pengarah



**Datuk Noriyah Ahmad**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Noriyah Ahmad ialah salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), ahli Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan CSR.

Datuk Noriyah merupakan mantan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM), iaitu jawatan terakhir yang disandang setelah lebih 30 tahun berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya dengan Kerajaan sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Sosial, UPE, JPM, dan kemudian memegang pelbagai jawatan di Kementerian Wilayah Persekutuan, Unit Perancang Lembah Klang, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Pada tahun 2003, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Seksyen Pengagihan di UPE, JPM dan dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pengarah I pada tahun 2005. Datuk Noriyah dilantik menjadi Ketua Pengarah UPE, JPM pada tahun 2009, sebelum bersara pada bulan Oktober 2011.

Datuk Noriyah juga merupakan Pengerusi Bersama bagi Malaysia-Thailand Joint Authority (MJTA) dan ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Zecon Medicare Sdn. Bhd. dan Prokhas Sdn. Bhd.

Datuk Noriyah memiliki ijazah Sarjana Muda Ekonomi Gunaan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Ekonomi Pembangunan dari University of Kent, United Kingdom.



## Lembaga Pengarah



**Datuk Ali Abdul Kadir**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Ali Abdul Kadir telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 1 Oktober 2015. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Pada masa ini, Datuk Ali merupakan Pengerusi JcbNext Berhad, ENRA Group Berhad dan Privasia Technology Berhad; dan Ahli Lembaga Pengarah Labuan Financial Services Authority, Glomac Berhad dan Citibank Berhad. Beliau juga merupakan anggota Panel Penasihat di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.

Datuk Ali merupakan mantan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan mantan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Ernst & Young dan firma yang berkaitan. Peranan beliau di peringkat antarabangsa termasuk sebagai Pengerusi Asia Pacific Regional Committee dan Islamic Capital Market Working Group serta ahli Jawatankuasa Eksekutif di International Organisation of Securities Commissions (IOSCO).

Selain menjadi Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), Datuk Ali merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Penasihat Kehormat ICAEW City Chapter dan Fellow Kehormat bagi Institute of Chartered Secretaries and Administrators (UK) dan Malaysian Institute of Directors. Beliau telah dianugerahkan Lifetime Achievement Award oleh ICAEW dan Anugerah Presiden oleh MICPA.

## Lembaga Pengarah



**Johan Mahmood Merican**

Pengarah Bukan Eksekutif

Pengarah Gantian kepada Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff

Johan Mahmood Merican telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 1 Oktober 2015 dan kemudiannya dilantik semula sebagai Pengarah Gantian kepada Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff ketika beliau kembali ke Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) sebagai Naib Pengarah (Pentadbiran).

Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) sehingga tamat pada Mei 2016. Terdahulunya, beliau merupakan mantan Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Malaysia dan mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam pembangunan dasar awam, kewangan korporat dan perakaunan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta di Malaysia dan United Kingdom.

Beliau merupakan seorang akauntan bertauliah yang memiliki Ijazah Kepujian kelas pertama dalam bidang Ekonomi dari University of Cambridge dan juga ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

# Pengurusan Kanan



## Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

profil dibentangkan di halaman 45.



## Mazhairul Jamaludin

Mazhairul Jamaludin ialah Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar serta ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau menerajui Program Penyumberan Luar Ekuinas dan merupakan Pengarah Kanan yang bertanggungjawab membina portfolio pendidikan Ekuinas, Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU) dan Tranglo Sdn Bhd. Sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Mazhairul juga bertanggungjawab menyelia hal-hal berkaitan pengurusan kewangan, laporan portfolio dan perbendaharaan. Beliau turut merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Penasihat beberapa syarikat pengurusan Penyumberan Luar Ekuinas.

Sebelum ini, Mazhairul menyandang jawatan Pengawal Kewangan dan Timbalan Presiden Kanan, Perkhidmatan Komersial, MultiChannel TV di ASTRO, sebuah kumpulan media terkemuka di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan televisyen bersatelit DTH (Direct-ToHome), radio komersial dan program televisyen.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Timbalan Presiden Pelaporan Perakaunan dan Pengurusan Kewangan di Celcom, salah sebuah syarikat telekomunikasi mudah alih terulung negara serta pernah berkhidmat di Arthur Andersen dan Ernst & Young.

Mazhairul memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian di dalam bidang Perakaunan & Kewangan dari University of Lancaster, United Kingdom dan adalah Fellow di Persatuan Akauntan Bertauliah Berpiagam (ACCA) dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau pada masa ini adalah ahli Jawatankuasa Akauntan Profesional dalam Perniagaan (PAIB) di bawah MIA dan menganggotai lembaga pengarah Cradle Fund Sdn Bhd sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.





### Nik Johaan Nik Hashim

Nik Johaan Nik Hashim ialah Pengarah Kanan, Pelaburan di Ekuinas dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Nik Johaan adalah Pengarah Kanan yang menyelia pelaburan Ekuinas dalam sector makanan dan minuman (F&B), produk makanan pengguna dan penjagaan kesihatan. Beliau juga bertanggungjawab ke atas unit Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Ekuinas termasuk Pengurusan Pihak Berkepentingan, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), yang dikenali sebagai ILTIZAM.

Sebelum menyertai Ekuinas, Nik Johaan bertugas di CIMB Investment Bank dan mempunyai pengalaman perbankan lebih 18 tahun terutamanya dalam bidang perbankan pelaburandi mana beliau mengetuai dan mengendalikan urusanniaga pasaran modal pinjaman, pensindiketan pinjaman, tawaran awam awal (IPO), penasihat projek dan pelaksanaan penstrukturan semula hutang. Dalam tempoh perkhidmatannya di bank tersebut, beliau juga telah bertugas selama tiga tahun di CIMB Bank sebagai Pengarah Kawasan bagi bahagian perbankan pengguna dan perbankan perniagaan. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau di CIMB ialah Pengarah dan Ketua, Perhubungan Perbadanan Muntinasional dan Kerajaan.

Nik Johaan menamatkan pengajian di University of Leicester, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dan mempunyai ijazah Sarjana di dalam bidang Perbankan Antarabangsa & Perkhidmatan Kewangan dari University of Reading, United Kingdom.



### Roselinda Hashim

Roselinda Hashim adalah Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat di mana beliau mengetuai jabatan perundangan dan kesetiausahaan dan jabatan komunikasi di Ekuinas.

Roselinda merupakan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Perundangan & Kesetiausahaan di Media Prima Berhad selama lima tahun. Sebelum itu, beliau merupakan Rakan Kongsi Raslan Loong yang memfokuskan kepada penggabungan dan pengambilalihan (M&A), usaha sama, pengaturan semula korporat dan aspek korporat Malaysia dan undang-undang komersil yang lain. Roselinda berkecimpung di dalam hal ehwal perundangan sejak 1996 dan memulakan kariernya di Shearn Delamore & Co.

Roselinda menamatkan pengajian di School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London dengan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB, Hons) serta ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM). Beliau dipanggil ke Bar of England and Wales, United Kingdom pada 1994 dan bertugas sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara kepada Malaysian Bar pada tahun 1996. Roselinda menerima lesen untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat oleh Companies Commission of Malaysia pada tahun 2005.



### Idham Ismail

Idham Ismail menyertai Ekuinas sebagai Pengarah Kanan, Pelaburan pada Oktober 2016. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Sebelum ini, Idham merupakan Pengarah, Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) selama 11 tahun. Semasa berkhidmat di sana, beliau juga memegang jawatan melibatkan operasi di syarikat portfolio Khazanah iaitu Pos Malaysia Berhad dan Themed Attractions Resorts, di kedua-dua tempat sebagai Ketua Pegawai Strategi.

Sebelum itu, Idham juga berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad dan Commerce International Merchant Bankers Berhad di jabatan Kewangan Korporat.

Idham menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam Kejuruteraan Matematik dari University of Bristol, United Kingdom dan Ijazah Sarjana dalam Kewangan dari RMIT University, Australia.

*Prestasi*

---






# Laporan Prestasi Pelaburan

## A. KESELURUHAN

### 1. Dana Diterima


Jumlah dana terkumpul diterima RM3.9 bilion : RM300.0 juta diterima pada 2016

RM juta



### 2. Penggunaan Dana

Modal dilaburkan berjumlah RM2.7 bilion : RM1.6 bilion sudah terealisasi



## Laporan Prestasi Pelaburan

## B. PELABURAN LANGSUNG

## 1. Tinjauan Dana

EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND		EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND		EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND	
Tahun Penubuhan 2010		Tahun Penubuhan 2012		Tahun Penubuhan 2014	
Status	Dilaburkan Sepenuhnya	Status	Komited sepenuhnya	Status	Sedang Dilaburkan
Modal Komited RM1.0 bilion		Modal Komited RM1.0 bilion		Modal Komited RM1.5 bilion	
Tempoh <b>5</b> + <b>2</b> + <b>1</b> tahun      tahun      tahun		Tempoh <b>5</b> ke <b>2</b> tahun      tahun			
Jangka masa pelaburan <b>3</b> ke <b>5</b> tahun      tahun					
Bentuk & Struktur Rasmi Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur			Tumpuan Geografi Malaysia		
Tumpuan Pelaburan Buy-Out dan Dana Modal Pertumbuhan			Tumpuan Industri Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan		

## 2. Aktiviti Pelaburan

## a) Aktiviti Pelaburan Langsung tahun 2016

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
<b>Pelaburan susulan:</b>					
1 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	N/A	54.6	-	54.6
<b>Pelaburan baru:</b>					
1 Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan)	Peruncitan	35.0%	68.6	-	68.6
<b>Jumlah untuk tahun semasa</b>			<b>123.2</b>	<b>-</b>	<b>123.2</b>

# Laporan Prestasi Pelaburan

## b) Aktiviti Pelaburan Langsung Secara Kumulatif sehingga 31 Disember 2016



RM juta				Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited		
<b>Ekuias Direct (Tranche I) Fund</b>					
1	Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG	20.0%	39.9	159.5
2	Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak & Gas	24.0%	99.8	99.8
3	Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan	61.6%	241.0	241.0
4	APIIT Education Group (APIIT)	Pendidikan	51.0%	102.0	102.0
5	Burger King Group (BK)	Peruncitan - F&B	74.1%	68.2	68.2
6	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan - F&B	90.0%	30.0	30.0
7	Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	85.8%	64.6	64.6
8	Cosmopoint Group (Cosmopoint)	Pendidikan	90.0%	246.0	246.0
9	UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan	90.0%	58.5	61.0
10	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	70.7%	308.2	308.2
<b>Jumlah pelaburan di bawah Tranche I</b>				<b>1,258.2</b>	<b>1,380.3</b>
<b>Ekuias Direct (Tranche II) Fund</b>					
1	Burger King Group (BK)	Peruncitan - F&B	100.0%	99.8**	99.8
2	Icon Offshore Berhad (ICON)*	Minyak & Gas	17.4%	277.7	277.7
3	PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan	100.0%	40.0	40.0
4	Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan	45.9%	20.3**	20.3
5	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)*	Peruncitan - F&B	-	5.0	5.0
6	Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	-	10.0*	10.0
7	Coolblog Sdn Bhd (Coolblog)	Peruncitan - F&B	60.0%	50.8	50.8
8	Orkim Sdn Bhd (Orkim)*	Minyak & Gas	95.5%	416.3	416.3
9	Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan	70.0%	70.0	70.0
10	Tranglo Sdn Bhd (Tranglo)	Perkhidmatan	60.0%	54.0	54.0
<b>Jumlah pelaburan di bawah Tranche II</b>				<b>1,043.9</b>	<b>1,043.9</b>
<b>Ekuias Direct (Tranche III) Fund</b>					
1	MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd (Medix)	Penjagaan Kesihatan	60.0%	58.8	58.8
2	PMCare Sdn Bhd (PMCare)	Penjagaan Kesihatan	60.0%	21.0	21.0
3	ILMU Education Group (ILMU)	Pendidikan	100.0%	150.0	150.0
4	Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan)	Peruncitan	35.0%	68.6	68.6
<b>Jumlah pelaburan di bawah Tranche III</b>				<b>298.4</b>	<b>298.4</b>
<b>Jumlah kumulatif pelaburan yang dilaksanakan</b>				<b>2,600.5</b>	<b>2,722.6</b>

\* Termasuk pelaburan susulan.



\*\* Selepas peruntukan semula komitmen yang tidak digunakan.

## c) Analisis Komposisi Pelaburan



### MENGIKUT SEKTOR



### MENGIKUT KATEGORI



### KAWALAN VS MODAL PERTUMBUHAN









# Laporan Prestasi Pelaburan

## c) Analisis Komposisi Pelaburan (sambungan)

### SYARIKAT TERSENARAI VS SYARIKAT PERSENDIRIAN



### SYARIKAT MANDIRI (STANDALONE) VS BELI & BINA



## Laporan Prestasi Pelaburan

## 3. Aktiviti Realisasi

## a) Aktiviti Realisasi pada tahun 2016

Syarikat RM juta	Tahun Terealisasi	% Pemegangan Dana Terealisasi	Kos Pelaburan Terealisasi	Jumlah Terealisasi	IRR Kasar % Tahunan	Gandaan Nilai
<b>Terealisasi sepenuhnya</b>						
ACG	2016	100.0	39.9	61.8	9.0%	1.5
<b>Jumlah hasil terealisasi</b>				<b>61.8</b>	<b>9.0%</b>	<b>1.5</b>

## b) Aktiviti Terealisasi Kumulatif pada 31 Disember 2016

Syarikat RM juta	Tahun Terealisasi	% Pemegangan Dana Terealisasi	Kos Pelaburan Terealisasi	Jumlah Terealisasi	IRR Kasar % Tahunan	Gandaan Nilai
<b>Terealisasi sepenuhnya</b>						
TOB*	2012	100.0	99.8	62.0	-19.7%	0.6
KLB	2013	100.0	241.0	347.4	19.4%	1.5
BK <sup>#</sup>	2015	100.0	168.0	79.4	-29.1%	0.4
SF <sup>#</sup>	2015	100.0	25.0	21.0	-5.7%	0.8
ACG	2016	100.0	39.9	61.8	9.0%	1.5
<b>Separa Terealisasi</b>						
ICON <sup>#</sup>	2014	52.0	208.9	545.4	68.0%	2.6
<b>Jumlah hasil terealisasi</b>			<b>782.6</b>	<b>1,117.0</b>	<b>16.5%</b>	<b>1.4</b>

<sup>#</sup> Pelupusan merentasi dua dana; Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund.

\* Pelupusan pelaburan dalam TOB adalah sebahagian daripada aktiviti penstrukturan semula portfolio O&G Ekuinas apabila ia melabur semula hasil sebagai pelaburan tambahan dalam Icon Offshore Berhad.

# Laporan Prestasi Pelaburan


## 4. Prestasi Syarikat Portfolio

### a) Prestasi Syarikat Portfolio – Hasil dan EBITDA bergabung

	Hasil (RM juta)			EBITDA (RM juta)*		
	2016 A	2015 B	% Pertumbuhan A – B	2016 A	2015 B	% Pertumbuhan A – B
Pendidikan	421.3	406.1	3.7%	110.9	106.4	4.2%
Kumpulan Makanan	395.6	380.9	3.9%	50.1	45.3	10.5%
ICON	226.8	266.6	-14.9%	93.7	118.4	-20.9%
Orkim	161.1	124.4	29.5%	86.0	75.0	14.6%
Tranglo	131.1	113.8	15.1%	5.2	5.2	-0.1%
Medix & PMCare	55.5	48.6	14.1%	22.3	16.5	35.2%
Al-Ikhsan	249.4	256.8	-2.9%	24.1	25.7	-6.2%
<b>Jumlah Syarikat Portfolio</b>	<b>1,640.8</b>	<b>1,597.2</b>	<b>2.7%</b>	<b>392.3</b>	<b>392.4</b>	<b>0.0%</b>

\* EBITDA tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa.

### b) Prestasi Syarikat Portfolio – Pertumbuhan Hasil dan EBITDA bergabung



Ini mewakili jumlah proforma disatukan bagi semua syarikat portfolio sedia ada seolah-olah mereka berada di bawah pemilikan Ekuinas untuk sepanjang tabung.

## Laporan Prestasi Pelaburan

## 5. Prestasi Dana

## 5.1 Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

## a) Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>1,000.0</b>	-	<b>1,000.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>1,112.8</b>	<b>12.6</b>	<b>1,125.4</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	<b>168.0</b>	-	<b>168.0</b>
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>1,280.8</b>	<b>12.6</b>	<b>1,293.4</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	<b>37.3</b>	<b>(37.3)</b>	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>1,318.1</b>	<b>(24.7)</b>	<b>1,293.4</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	62.6	(26.8)	35.8
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	256.5	(114.6)	141.9
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	289.9	16.9	306.8
Perbelanjaan Faedah	(17.7)	(0.4)	(18.1)
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>591.3</b>	<b>(124.9)</b>	<b>466.4</b>
Perbelanjaan Organisasi	(232.4)	(12.2)	(244.6)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(878.5)	-	(878.5)
<b>Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(519.6)</b>	<b>(137.1)</b>	<b>(656.7)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>798.5</b>	<b>(161.8)</b>	<b>636.7</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan – pada kos	706.9	(59.9)	647.0
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	256.5	(114.6)	141.9
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>963.4</b>	<b>(174.5)</b>	<b>788.9</b>
Tambah: Baki Tunai	6.0	(2.2)	3.8
Tambah: Modal Kerja	(170.9)	14.9	(156.0)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>798.5</b>	<b>(161.8)</b>	<b>636.7</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>798.5</b>	<b>(161.8)</b>	<b>636.7</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	<b>710.5</b>	-	<b>710.5</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>1,509.0</b>	<b>(161.8)</b>	<b>1,347.2</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>14.8%</b>		<b>13.1%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>10.9%</b>		<b>9.4%</b>

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

# Laporan Prestasi Pelaburan

## b) Prestasi Portfolio Ekuinas (Tranche I) Fund pada 31 Disember 2016


Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan# RM juta
<b>Pelaburan:</b>		
APIIT	51.0	102.0
Cosmopoint	90.0	246.0
UNITAR	90.0	58.5
RV	85.8	64.6
ICON	32.7	175.9
		647.0
<b>Pelupusan:</b>		
TOB	24.0	99.8
KLB	61.6	241.0
BKM	74.1	68.2
ICON	38.0	132.3
SF	90.0	20.0
ACG	20.0	39.9
		601.2
<b>Jumlah</b>		<b>1,248.2</b>

# Kos pelaburan mewakili jumlah penggunaan pelaburan komited.

<b>PULANGAN KASAR PORTFOLIO</b>		<b>JUMLAH NILAI PORTFOLIO</b>	
<b>RM466.4</b> juta		<b>RM1.1</b> bilion	
PENDAPATAN DIVIDEN	PERTAMBAHAN DALAM NILAI SAKSAMA	<b>IRR %</b>	
<b>RM35.8</b> juta	<b>RM141.9</b> juta	IRR KASAR	
KEUNTUNGAN DARI PELUPUSAN	PERBELANJAAN FAEDAH	<b>13.1%</b> setahun	
<b>RM306.8</b> juta	<b>(RM18.1)</b> juta	IRR BERSIH	
		<b>9.4%</b> setahun	




### c) Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche I) Fund



<sup>A</sup> Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM466.4 juta pada tahun 2016.

### d) Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche I) Fund pada 31 Disember 2016



<sup>A</sup> Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2015 bernilai RM591.3 juta.

<sup>B</sup> Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2016 bernilai RM466.4 juta.

<sup>C</sup> Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM124.9 juta.

# Laporan Prestasi Pelaburan

## 5.2 Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

### a) Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>1,000.0</b>	-	<b>1,000.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>892.8</b>	<b>132.7</b>	<b>1,025.5</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	<b>4.8</b>	-	<b>4.8</b>
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>897.6</b>	<b>132.7</b>	<b>1,030.3</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	<b>105.0</b>	<b>(5.0)</b>	<b>100.0</b>
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>1,002.6</b>	<b>127.7</b>	<b>1,130.3</b>
<b>Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	3.1	6.9	10.0
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	106.2	188.7	294.9
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	26.6	1.0	27.6
Perbelanjaan Faedah	(2.6)	1.7	(0.9)
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>133.3</b>	<b>198.3</b>	<b>331.6</b>
Perbelanjaan Organisasi	(78.7)	(48.5)	(127.2)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(102.6)	-	(102.6)
<b>Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(48.0)</b>	<b>149.8</b>	<b>101.8</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>954.6</b>	<b>277.5</b>	<b>1,232.1</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan – pada kos	707.6	79.2	786.8
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	106.2	188.7	294.9
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>813.8</b>	<b>267.9</b>	<b>1,081.7</b>
Tambah: Baki Tunai	6.3	6.7	13.0
Tambah: Modal Kerja	116.4	6.6	123.0
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	18.1	(3.7)	14.4
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>954.6</b>	<b>277.5</b>	<b>1,232.1</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>954.6</b>	<b>277.5</b>	<b>1,232.1</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	<b>97.8</b>	-	<b>97.8</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>1,052.4</b>	<b>277.5</b>	<b>1,329.9</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>13.0%</b>		<b>18.1%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan</b>	<b>5.7%</b>		<b>12.7%</b>

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

## Laporan Prestasi Pelaburan

## b) Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2016

Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan# RM juta
<b>Pelaburan:</b>		
ICON	9.6	156.1
PrimaBaguz	100.0	40.0
APIIT Lanka	45.9	20.3
RV	-	10.0
Coolblog	60.0	45.8
Orkim	95.5	391.8
Tenby	70.0	70.0
Tranglo	60.0	52.8
		786.8
<b>Pelupusan:</b>		
BKS	100.0	47.2
BKM	20.9	52.6
ICON	7.8	76.6
SF	-	5.0
		181.4
<b>Jumlah</b>		<b>968.2</b>

# Kos pelaburan mewakili jumlah penggunaan pelaburan komited.


<b>PULANGAN KASAR PORTFOLIO</b>		<b>JUMLAH NILAI PORTFOLIO</b>	
<b>RM331.6</b> juta		<b>RM1.1</b> bilion	
PENDAPATAN DIVIDEN	PERTAMBAHAN DALAM NILAI SAKSAMA	<b>IRR %</b>	
<b>RM10.0</b> juta	<b>RM294.9</b> juta	IRR KASAR	
KEUNTUNGAN DARI PELUPUSAN	PERBELANJAAN FAEDAH	<b>18.1% setahun</b>	
<b>RM27.6</b> juta	<b>(RM0.9)</b> juta	IRR BERSIH	
		<b>12.7% setahun</b>	

# Laporan Prestasi Pelaburan

## c) Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

RM juta  
(Kumulatif)

### PENINGKATAN NILAI SEHINGGA KINI SEBANYAK 331.6 JUTA




<sup>A</sup> Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM331.6 juta pada tahun 2016.

## d) Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2016

RM juta  
(Kumulatif)

### PULANGAN KASAR PORTFOLIO BAGI TAHUN SEMASA SEBANYAK RM198.3 JUTA



<sup>A</sup> Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2015 bernilai RM133.3 juta.

<sup>B</sup> Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2016 bernilai RM331.6 juta.

<sup>C</sup> Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM198.3 juta.

## Laporan Prestasi Pelaburan

## 5.2 Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

## (a) Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>1,500.0</b>	-	<b>1,500.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>121.9</b>	<b>232.5</b>	<b>354.4</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	-	-	-
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>121.9</b>	<b>232.5</b>	<b>354.4</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>121.9</b>	<b>232.5</b>	<b>354.4</b>
<b>Tambah pengurangan ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	19.8	19.8
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	-	(37.2)	(37.2)
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	-	-	-
Perbelanjaan Faedah	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	-	<b>(17.4)</b>	<b>(17.4)</b>
Perbelanjaan Organisasi	(33.3)	(28.2)	(61.5)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	-	-
<b>Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(33.3)</b>	<b>(45.6)</b>	<b>(78.9)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>88.6</b>	<b>186.9</b>	<b>275.5</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan – pada kos	88.6	204.3	292.9
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	-	(37.2)	(37.2)
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>88.6</b>	<b>167.1</b>	<b>255.7</b>
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	(0.0)	19.8	19.8
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>88.6</b>	<b>186.9</b>	<b>275.5</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>88.6</b>	<b>186.9</b>	<b>275.5</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	-	-	-
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>88.6</b>	<b>186.9</b>	<b>275.5</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>N/M<sup>#</sup></b>		<b>N/M<sup>#</sup></b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>N/M<sup>#</sup></b>		<b>N/M<sup>#</sup></b>

# IRR Kasar dan IRR Bersih bagi Ekuinas Direct (Tranche III) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

\* Termasuk modal pengagihan modal dilabur semula.




# Laporan Prestasi Pelaburan

## 6. Pengagihan

Jumlah Dikomitedkan	RM 500.0 juta
Jumlah Diagihkan setakat 31 Disember 2016	RM 200.0 juta

### RANGKA KERJA PENGAGIHAN



## SYARIKAT PORTFOLIO

    	<p><b>TENBY EDUCARE SDN BHD</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Mac 2015</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM107.5 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 100.0%</p>	   	<p><b>PRIMA Baguz</b></p> <p><b>PRIMABAGUZ SDN BHD</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> November 2013</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM40.0 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 100.0%</p>	<p><b>Tranglo</b></p> <p><b>TRANGLO SDN BHD</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Mac 2015</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM52.8 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 60.0%</p>	<p><b>AL-ikhsaN</b></p> <p><b>AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Julai 2016</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM67.3 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 35.0%</p>
<p><b>KUMPULAN PENDIDIKAN APIIT</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan buy-out aset bukan teras syarikat awam tersenarai</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Februari 2011</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM197.8 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 100.0%</p>	 <p><b>UNIVERSITI ANTARABANGSA UNITAR</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Mei 2012</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM72.3 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 100.0%</p>	<p><b>REVENUE VALLEY SDN BHD</b></p> <p><b>Investment type</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Januari 2012</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM74.6 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 85.8%</p>	<p><b>ICON OFFSHORE</b></p> <p><b>ICON OFFSHORE BHD</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> November 2012, penggabungan TKS dan Omni</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM540.9 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 42.3%</p> <p><b>Pelupusan Separa</b> June 2014 + 45.8%</p>	  <p><b>MEDIEXPRESS (MALAYSIA) SDN BHD &amp; PMCARE SDN BHD</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Disember 2015</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM75.6 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 60.0%</p>	
<p><b>cosmopoint COLLEGE OF TECHNOLOGY</b></p>  <p><b>KUMPULAN COSMOPOINT</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Mac 2012</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM246.0 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 90.0%</p>	 <p><b>APIIT LANKA</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan susulan untuk perkembangan serantau</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Disember 2013</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM23.2 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 83.5%</p>	 <p><b>COOLBLOG DESSERTS SDN BHD</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Julai 2014</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM45.8 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 60.0%</p>	 <p><b>ORKIM SDN BHD</b></p> <p><b>Jenis Pelaburan</b> Pelaburan buy-out aset bukan teras syarikat berkaitan-Kerajaan (GLC)</p> <p><b>Tarikh Pemerolehan</b> Disember 2014</p> <p><b>Modal Dilaburkan</b> RM391.8 juta</p> <p><b>Pemilikan</b> 95.5%</p>		

# Laporan Prestasi Pelaburan

## ILMU Education Group

PENYEDIA  
PENDIDIKAN  
PELBAGAI  
JENAMA  
BERSEPADU

Salah sebuah kumpulan  
pendidikan terkemuka  
di Malaysia  
dengan hampir  
**33,000**  
pelajar

HASIL  
PENDAPATAN

**RM421.3**  
juta

PERTUMBUHAN  
**3.7%**



JUMLAH MODAL DILABURKAN

**RM646.8**  
juta



Rasional Pelaburan

Industri yang besar dengan potensi  
pertumbuhan yang kukuh.

Kumpulan pendidikan yang mempunyai  
rekod prestasi yang tinggi.



# Laporan Prestasi Pelaburan



## PROFIL SYARIKAT

### Kumpulan Pendidikan APIIT

- Ditubuhkan: 1993
- Lokasi: Technology Park, Bukit Jalil
- Jenis pendidikan: K-12 dan pengajian tinggi
- Pengkhususan: Pengajian tinggi berkualiti tinggi untuk kursus-kursus dalam bidang Teknologi, Kejuruteraan dan Perniagaan serta pendidikan K-12 swasta bagi sukatan pelajaran antarabangsa dan tempatan
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 13,000

### APIIT Lanka

- Ditubuhkan: 1993
- Lokasi: Colombo, Sri Lanka
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi
- Pengkhususan: Kursus Jurusan Komputer, Perniagaan dan Undang-undang
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 1,000

### Kumpulan Cosmopoint

- Ditubuhkan: 1991
- Lokasi: Kuala Lumpur + 11 kolej di seluruh negara
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi
- Pengkhususan: Program kursus berkaitan industri termasuk IT, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulineri, Penyiaran, Multimedia dan juga kursus-kursus industri lain yang boleh dipasarkan.
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 7,000

### Universiti Antarabangsa UNITAR

- Ditubuhkan: 1997
- Lokasi: Selangor + 6 pusat serantau bebas
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi dan kursus pensijilan profesional
- Pengkhususan: Program Pendidikan di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah untuk mengembangkan capaian pembelajaran yang berkualiti melalui program pembelajaran konvensional dan jarak jauh.
- Populasi Pelajar: Hampir 8,000

### Kumpulan Sekolah Tenby

- Ditubuhkan: 1960
- Lokasi: Ipoh, Miri, Setia Eco Park, Johor dan Pulau Pinang
- Jenis pendidikan: K-12
- Pengkhususan: Pendidikan K-12 swasta bagi sukatan pelajaran antarabangsa dan tempatan
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 4,000

	2016 Tidak Diaudit RM juta	2015 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	421.3	406.1	3.7
EBITDA sebelum EI	110.9	106.4	4.2
Bilangan pelajar	32,506	34,740	-6.4

EI: Butiran luar biasa.



# Laporan Prestasi Pelaburan

## Kumpulan Makanan

### JUMLAH CAWANGAN

Lebih daripada  
**400**  
di seluruh  
Malaysia dan  
rantau ini

### HASIL PENDAPATAN

**RM395.6**  
juta

PERTUMBUHAN  
**3.9%**



### JUMLAH MODAL DILABURKAN

**RM160.4**  
juta



### Rasional Pelaburan

Pelaburan di dalam jenama makanan dan minuman (F&B) yang kukuh.

Pelaburan di dalam industri F&B, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna.

Platform untuk membina salah sebuah kumpulan F&B Bumiputera terbesar.

Mewujudkan kehadiran serantau dengan segera melalui operasi di Malaysia, Singapura dan Thailand.

Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membentuk dan membangun pengurus profesional muda.

## PROFIL SYARIKAT

### Kumpulan Revenue Valley

(Tony Romá's, Popeyes, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack)

- Ditubuhkan: 2002
- Jumlah cawangan: 91
- Jenis: Makanan kasual dan restoran perkhidmatan segera (QSR).

### Coolblog Desserts Sdn Bhd

(Coolblog)

- Ditubuhkan: 2007
- Jumlah cawangan: Lebih daripada 300 cawangan di Malaysia dan Indonesia.
- Jenis: Pencuci mulut dan minuman berkonsep kiosk dan bawa pulang.

### PrimaBaguz Sdn Bhd

- Ditubuhkan: 1987
- Mengilang dan mengedar produk berasaskan daging premium yang halal seperti sosej, daging sejuk, produk dan sos sedia dimakan.
- Membekalkan produk ke Restoran Perkhidmatan Segera (QSR), hotel, restoran dan katerer (HORECA) serta pemborong.



	2016 Tidak Diaudit RM juta	2015 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	395.6	380.9	3.9
EBITDA sebelum EI	50.1	45.3	10.5
Jumlah cawangan	437	394	10.9

EI: Butiran luar biasa.



# Laporan Prestasi Pelaburan

## Icon Offshore Berhad

### JUMLAH KAPAL

# 33

beroperasi di perairan  
Malaysia, Thailand  
dan Qatar

### HASIL PENDAPATAN

# RM226.8

juta

### PERTUMBUHAN

# -14.9%



### JUMLAH MODAL DILABURKAN

# RM540.9

juta

### PROFIL SYARIKAT

- Icon Offshore Berhad (ICON) adalah gabungan Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan Omni Petromaritime Sdn Bhd (Omni) yang telah dimuktamadkan pada 20 November 2012.
- ICON ialah syarikat penyedia perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di Asia Tenggara dari segi jumlah kapal OSV, menurut Laporan Infield.
- Syarikat memiliki 33 buah kapal yang beroperasi di perairan Malaysia, Thailand dan Qatar. Kapal-kapal tersebut mempunyai sejarah operasi antarabangsa di lebih daripada 10 negara di rantau Asia Tenggara dan Timur Tengah.

### Rasional Pelaburan

Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh.

Platform untuk membina salah sebuah syarikat OSV tempatan terbesar.

	2016 Tidak Diaudit RM juta	2015 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	226.8	266.6	-14.9
EBITDA sebelum EI	93.7	118.4	-20.9
PAT sebelum EI	(13.3)	25.3	>-100

EI: Butiran luar biasa.

## Orkim Sdn Bhd

JUMLAH  
KAPAL**16**di bawah pemilikan  
dan pengurusanHASIL  
PENDAPATAN**RM161.1**

juta

PERTUMBUHAN  
**29.5%**

## JUMLAH MODAL DILABURKAN

**RM391.8**

juta

## PROFIL SYARIKAT

- Salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terkemuka di Malaysia.
- Ditubuhkan pada tahun 2004, bermula dengan perniagaan broker kapal.
- Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh dengan 14 buah kapal di bawah hak milik dan pengurusan.
- Mengangkut CPP dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh negara dan pada masa ini memiliki 30.0% bahagian daripada pasaran terkemuka.

## Rasional Pelaburan

Rekod prestasi operasi yang kukuh dengan barisan 16 buah kapal pada purata usia 6 tahun di bawah pengurusannya.

Syarikat yang mantap dan mempunyai prospek pertumbuhan yang menggalakkan.

	2016 Tidak Diaudit RM juta	2015 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	161.1	124.4	29.5
EBITDA sebelum EI	86.0	75.0	14.6
PAT sebelum EI	31.2	32.5	-4.0

EI: Butiran luar biasa.



# Laporan Prestasi Pelaburan

## Tranglo Sdn Bhd


### MERENTAS SEMPADAN

**Perintis** dalam perkhidmatan pengiriman wang mudah alih merentas sempadan

### HASIL PENDAPATAN

**RM131.1**  
juta

PERTUMBUHAN  
**15.1%**



### JUMLAH MODAL DILABURKAN

**RM52.8**  
juta

### PROFIL SYARIKAT

- Ditubuhkan pada tahun 2009 dengan ibu pejabat di Kuala Lumpur, dan cawangan antarabangsa di Indonesia, Timur Tengah, dan United Kingdom.
- Menyediakan platform bagi syarikat-syarikat telekomunikasi mudah alih (syarikat telekomunikasi) untuk memudahkan pemindahan kredit prabayar dan penghantaran wang rentas sempadan dengan cara yang cepat, mudah dan selamat.

### Rasional Pelaburan

Sebuah perintis industri dengan rekod prestasi yang kukuh dan hubungan yang sudah lama terjalin dengan syarikat-syarikat telekomunikasi Malaysia dan antarabangsa.

Perniagaan yang semakin berkembang dalam perkhidmatan pengiriman wang mudah alih rentas sempadan, yang menawarkan potensi yang besar.

	2016 Tidak Diaudit RM juta	2015 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	131.1	113.8	15.1
EBITDA sebelum EI	5.2	5.2	-0.1

EI: Butiran luar biasa.

MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd & PMCare Sdn Bhd

TPA TERBESAR  
DI MALAYSIA

dengan  
**40%**  
saham pasaran  
di Malaysia

HASIL  
PENDAPATAN

**RM55.5**  
juta

GROWTH  
**14.1%**



JUMLAH MODAL DILABURKAN

**RM75.6**  
juta

PROFIL SYARIKAT

- MediExpress ialah Pentadbir Tuntutan Perubatan Pihak Ketiga (TPA) terkemuka bagi syarikat insurans dan syarikat persendirian.
- PMCare adalah penyedia perkhidmatan TPA Bumiputera terkemuka, dengan segmen fokus kepada syarikat berkaitan Kerajaan.

Rasional Pelaburan

Subsektor penjagaan kesihatan yang berkembang pesat.

Kedua-dua syarikat ini digabungkan di bawah satu syarikat induk, untuk mewujudkan penyedia perkhidmatan TPA terbesar di Malaysia dengan penguasaan 40.0% bahagian pasaran dan memberi perkhidmatan kepada lebih 2 juta ahli.

	2016 Tidak Diaudit RM juta	2015 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	55.5	48.6	14.1
EBITDA sebelum EI	22.3	16.5	35.2

EI: Butiran luar biasa.

# Laporan Prestasi Pelaburan

## Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

BILANGAN  
CAWANGAN

**114**  
di seluruh Malaysia

HASIL  
PENDAPATAN

**RM249.4**  
juta



JUMLAH MODAL DILABURKAN

**RM67.3**  
juta

### PROFIL SYARIKAT

- Al-Ikhsan merupakan pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka dengan pemilikan lebih 114 cawangan. Syarikat ini membekalkan peralatan sukan, pakaian dan kasut dari jenama terkenal seperti Adidas, Nike, Puma, Asics dan Lotto.
- Al-Ikhsan merupakan pemilik utama bagi jenama AL dan pasaran pelbagai barangan sukan di bawah tanda dagangan AL.

### Rasional Pelaburan

Pelaburan ke dalam pembekal barangan sukan pelbagai jenama No. 1 di Malaysia dengan >35% bahagian pasaran.

Peluang untuk pertumbuhan keuntungan melalui peningkatan dan pertumbuhan jualan operasi.

	2016 Tidak Diaudit RM juta	2015 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	249.4	256.8	-2.9
EBITDA sebelum EI	24.1	25.7	-6.2

EI: Butiran luar biasa.

## Laporan Prestasi Pelaburan

## C. PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

## 1. Tinjauan Dana

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND		EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND	
Tahun Penubuhan 2011		Tahun Penubuhan 2013	
<b>Status</b>	Sedang Dilaburkan	<b>Status</b>	Sedang Dilaburkan
<b>MODAL KOMITED</b>			
<b>Ekuinas</b> RM400.0 juta		<b>Ekuinas</b> RM240.0 juta	
<b>LP Lain</b> RM151.9 juta		<b>LP* Lain</b> RM110.1 juta	
<b>Jumlah</b> RM551.9 juta		<b>Jumlah</b> RM350.1 juta	
<b>Tempoh</b> <b>6 + 1</b> tahun    tahun	<b>Jangka Masa Pelaburan</b> <b>3 ke 6</b> tahun    tahun	<b>Tempoh</b> <b>7 + 1</b> tahun    tahun	<b>Jangka Masa Pelaburan</b> <b>3 ke 7</b> tahun    tahun
<b>Fokus Pelaburan</b> Malaysia Modal Pertumbuhan			
<b>Sektor Keutamaan</b> Minyak & Gas, Pendidikan, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan			

\* Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P telah ditamatkan pada 2015.



# Laporan Prestasi Pelaburan

## 2. Profil Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) yang dilantik

	<p><b>Navis Capital Partners</b></p> <p>Nama Dana <b>Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P.</b></p> <p>Saiz Dana <b>RM301.9 juta</b></p>
	<p><b>CIMB Private Equity</b></p> <p>Nama Dana <b>CIMB National Equity Fund Ltd. P.</b></p> <p>Saiz Dana <b>RM125.0 juta</b></p>
	<p><b>Tremendous Asia Partners</b></p> <p>Nama Dana <b>TAP Harimau Fund L.P.</b></p> <p>Saiz Dana <b>RM125.0 juta</b></p>
	<p><b>TAEL Partners</b></p> <p>Nama Dana <b>TAEL Tijari (OFM) L.P.</b></p> <p>Saiz Dana <b>RM101.0 juta</b></p>
	<p><b>RM Capital Partners (RMCP)</b></p> <p>Nama Dana <b>RMCP One Sdn Bhd</b></p> <p>Saiz Dana <b>RM109.1 juta</b></p>
	<p><b>CMS Opus Private Equity (COPE)</b></p> <p>Nama Dana <b>COPE Opportunities 3 Sdn Bhd</b></p> <p>Saiz Dana <b>RM80.0 juta</b></p>

## Laporan Prestasi Pelaburan

## 3. Aktiviti Pelaburan

## (a) Aktiviti Pelaburan Program Penyumberan Luar untuk tahun 2016

RM juta Syarikat Portfolio	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP lain	Jumlah OFM		
Packerman Sdn Bhd (Packerman)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
MBG Holdings Sdn Bhd (MBG)	COPE	Peruncitan - F&B	7.5	2.5	10.0	-	10.0
My Sutera Holding Sdn Bhd (MySutera)	COPE	Pembuatan	11.3	3.7	15.0	-	15.0
Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera)	RMCP	FMCG	6.6	5.4	12.0	-	12.0
Project Popeye <sup>#</sup>	RMCP	Perkhidmatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
<b>Jumlah bagi tahun semasa</b>			<b>49.4</b>	<b>31.2</b>	<b>80.6</b>	-	<b>80.6</b>

<sup>#</sup> Komitmen untuk pelaburan berpotensi, bergantung kepada pelaksanaan pelaburan.

# Laporan Prestasi Pelaburan

## (b) Aktiviti Pelaburan Kumulatif Program Penyumberan Luar pada 31 Disember 2016

RM juta Syarikat Portfolio	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi	
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM			
1	Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)*	Navis MGO	FMCG	15.0	6.5	21.5	-	21.5
2	MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)*	Navis MGO	Peruncitan & Percutian	16.8	4.2	21.0	119.7	140.7
3	SEG International (SEGi)*	Navis MGO	Pendidikan	43.5	19.0	62.5	214.5	277.0
4	Strateq Sdn Bhd (Strateq)*	Navis MGO	Perkhidmatan	39.0	22.5	61.5	-	61.5
5	HG Power Transmission Sdn Bhd (HGPT)*	Navis MGO	Perkhidmatan	30.1	13.2	43.3	-	43.3
6	Brickfield Asia College (BAC)	Navis MGO	Pendidikan	34.8	15.2	50.0	-	50.0
7	Macroiosk Sdn Bhd (Macroiosk)	CNEF	Perkhidmatan	21.1	13.3	34.4	-	34.4
8	R.E.A.L Education Group (REAL)	CNEF	Pendidikan	28.1	4.9	33.0	-	33.0
9	Mega Fortis Innovation (Msia) Sdn Bhd (Mega Fortis)	TAP	Pembuatan	18.0	7.0	25.0	-	25.0
10	Big Sdn Bhd (Big Group)	Navis MGO	Peruncitan - F&B	17.6	4.4	22.0	-	22.0
<b>Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I</b>				<b>264.0</b>	<b>110.2</b>	<b>374.2</b>	<b>334.2</b>	<b>708.4</b>
1	STX Precision Corporation Sdn Bhd (STX)	COPE	Perkhidmatan	12.0	4.0	16.0	19.0	35.0
2	Consobiz Ventures Sdn Bhd (Consobiz)	RMCP	FMCG	8.3	6.7	15.0	-	15.0
3	Excelvite Sdn. Bhd. (Excelvite)	TAEL	Pembuatan	5.9	4.1	10.0	-	10.0
4	Romstar Sdn. Bhd (Romstar)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
5	Packerman Sdn Bhd (Packerman)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
6	MBG Holdings Sdn Bhd (MBG)	COPE	Peruncitan - F&B	7.5	2.5	10.0	-	10.0
7	My Sutera Holding Sdn Bhd (MySutera)	COPE	Pembuatan	11.3	3.7	15.0	-	15.0
8	Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera)	RMCP	FMCG	6.6	5.4	12.0	-	12.0
9	Project Popeye#	RMCP	Perkhidmatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
<b>Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II</b>				<b>87.6</b>	<b>55.8</b>	<b>143.4</b>	<b>19.0</b>	<b>162.4</b>
<b>Jumlah Kumulatif Pelaburan yang dilaksanakan</b>				<b>351.6</b>	<b>166.0</b>	<b>517.6</b>	<b>353.2</b>	<b>870.8</b>

\* Termasuk pelaburan susulan.

# Komitmen untuk pelaburan berpotensi, bergantung kepada pelaksanaan pelaburan.

## Laporan Prestasi Pelaburan

## 4 Prestasi Dana

## 4.1 Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

## (a) Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>400.0</b>	-	<b>400.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>302.4</b>	<b>3.3</b>	<b>305.7</b>
<b>C. Modal Dilabur semula</b>	<b>15.1</b>	<b>8.7</b>	<b>23.8</b>
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>317.5</b>	<b>12.0</b>	<b>329.5</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>317.5</b>	<b>12.0</b>	<b>329.5</b>
<b>Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	38.9	83.6	122.5
Kerugian Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(1.8)	-	(1.8)
Perbelanjaan Faedah	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>37.1</b>	<b>83.6</b>	<b>120.7</b>
Perbelanjaan Organisasi	(10.0)	(7.5)	(17.5)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(15.1)	(8.7)	(23.8)
<b>Peningkatan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>12.0</b>	<b>67.4</b>	<b>79.4</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>329.5</b>	<b>79.4</b>	<b>408.9</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan – pada kos	290.6	(50.2)	240.4
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	38.9	83.6	122.5
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>329.5</b>	<b>33.4</b>	<b>362.9</b>
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	-	46.0	46.0
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>329.5</b>	<b>79.4</b>	<b>408.9</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>329.5</b>	<b>79.4</b>	<b>408.9</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	-	-	-
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>329.5</b>	<b>79.4</b>	<b>408.9</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>6.3%</b>		<b>9.8%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>5.0%</b>		<b>8.7%</b>

\* Termasuk modal pengagihan modal dilabur semula.

# Laporan Prestasi Pelaburan

## 4 Prestasi Dana

### 4.2 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

#### (a) Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2016


	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>240.0</b>	-	<b>240.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>51.9</b>	<b>31.4</b>	<b>83.3</b>
<b>C. Modal Dilabur semula</b>	-	-	-
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>51.9</b>	<b>31.4</b>	<b>83.3</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>51.9</b>	<b>31.4</b>	<b>83.3</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(15.0)	4.9	(10.1)
Kerugian Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	-	(2.3)	(2.3)
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>(15.0)</b>	<b>2.6</b>	<b>(12.4)</b>
Perbelanjaan Organisasi	(3.6)	(0.7)	(4.3)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	-	-
<b>Peningkatan/(Pengurangan) dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(18.6)</b>	<b>1.9</b>	<b>(16.7)</b>
<b>G. Net Assets Value</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan – pada kos	48.3	28.4	76.7
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(15.0)	4.9	(10.1)
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	-	-	-
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	-	-	-
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
<b>IRR Kasar Tahunan<sup>#</sup></b>	<b>N/M<sup>#</sup></b>		<b>N/M<sup>#</sup></b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)<sup>#</sup></b>	<b>N/M<sup>#</sup></b>		<b>N/M<sup>#</sup></b>

<sup>#</sup> Nilai IRR Kasar dan IRR Bersih Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih di peringkat awal pelaburan.

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.



## SYARIKAT PORTFOLIO


**MCAT BOX OFFICE  
SDN BHD (MBO)**
**Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners  
Sektor: Peruncitan & Percutian  
Tarikh Pemerolehan: Mac 2012

Modal Komited Ekuinas:  
RM16.8 juta


**SEG INTERNATIONAL  
BERHAD (SEGi)**
**Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners  
Sektor: Pendidikan  
Tarikh Pemerolehan: Mac 2012

Modal Komited Ekuinas:  
RM43.5 juta


**STRATEQ SDN BHD**
**Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners  
Sektor: Perkhidmatan  
Tarikh Pemerolehan: Mac 2013

Modal Komited Ekuinas:  
RM39.0 juta


**HG POWER  
TRANSMISSION SDN BHD**
**Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners  
Sektor: Perkhidmatan  
Tarikh Pemerolehan: Mei 2013

Modal Komited Ekuinas:  
RM30.1 juta


**BRICKFIELDS ASIA COLLEGE**
**Butiran Transaksi**


OFM: Navis Capital Partners  
Sektor: Pendidikan  
Tarikh Pemerolehan: November 2013

Modal Komited Ekuinas:  
RM34.8 juta


**BIG SDN BHD**
**Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners  
Sektor: FMCG & Peruncitan  
Tarikh Pemerolehan: Disember 2014

Modal Komited Ekuinas:  
RM17.6 juta


**MEGA FORTRIS (MALAYSIA)  
SDN BHD**
**Butiran Transaksi**

OFM: Tremendous Asia Partners  
Sektor: Pembuatan  
Tarikh Pemerolehan: Jun 2014

Modal Komited Ekuinas:  
RM18.0 juta


**STX PRECISION CORPORATION  
SDN BHD**
**Butiran Transaksi**

OFM: CMS Opus Private Equity  
Sektor: Perkhidmatan  
Tarikh Pemerolehan: Disember 2013

Modal Komited Ekuinas:  
RM12.0 juta


**CONSOBIZ VENTURES  
SDN BHD**
**Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners  
Sektor: FMCG  
Tarikh Pemerolehan: Februari 2014

Modal Komited Ekuinas:  
RM8.3 juta

# Laporan Prestasi Pelaburan

## SYARIKAT PORTFOLIO

### ExcelVite

EXCELVITE SDN BHD

**Butiran Transaksi**

OFM: TAEL Capital Partners  
Sektor: Pembuatan  
Tarikh Pemerolehan: April 2015

Modal Komited Ekuinas:  
RM5.9 juta



ROMSTAR SDN BHD

**Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners  
Sektor: Pembuatan  
Tarikh Pemerolehan: Januari 2016

Modal Komited Ekuinas:  
RM12.0 juta



PACKERMAN SDN BHD

**Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners  
Sektor: Pembuatan  
Tarikh Pemerolehan: Julai 2016

Modal Komited Ekuinas:  
RM12.0 juta



MBG HOLDINGS SDN BHD

**Butiran Transaksi**

OFM: CMS Opus Private Equity  
Sektor: F&B dan Peruncitan  
Tarikh Pemerolehan: Ogos 2016

Modal Komited Ekuinas:  
RM7.5 juta



TANAMERA GROUP SDN BHD

**Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners  
Sektor: Barangan Pengguna Laris  
Tarikh Pemerolehan: April 2017

Modal Komited Ekuinas:  
RM6.6 juta



MY SUTERA HOLDINGS  
SDN BHD

**Butiran Transaksi**

OFM: CMS Opus Private Equity  
Sektor: Pembuatan  
Tarikh Pemerolehan: April 2017

Modal Komited Ekuinas:  
RM11.3 juta

## Laporan Prestasi Pelaburan

## D PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

## (a) Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi Keseluruhan

Jumlah bagi Syarikat Portfolio	BUMIPUTERA				KESELURUHAN SYARIKAT			
	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur
2016	2,198.2	4,341.5	3,925.7	1.4x	4,121.7	6,194.2	5,554.9	2.0x
2015	1,779.0	3,938.0	3,750.8	1.6x	3,708.5	5,544.7	4,702.7	2.1x

## (b) Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Kakitangan

	Bilangan Kakitangan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera daripada Jumlah Keseluruhan Kakitangan	Peningkatan % Bumiputera selepas Kemasukan Ekuinas
<b>2016</b>				
Pengurusan	201	498	40.4%	16.9%
Kakitangan	9,669	16,038	60.3%	29.7%
<b>2015</b>				
Pengurusan	151	485	31.1%	12.7%
Kakitangan	7,834	15,177	51.6%	31.5%

## E EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)	2016 RM juta	2015 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	4,140.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	44.9	44.1
Nisbah OPEX kepada FuM	1.1%	1.1%
Keuntungan Selepas Cukai (PAT)	19.1	26.4

Sadkir Nus  
Korporat



---

<b>92</b>	Penyata Tadbir Urus Korporat
<b>104</b>	Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
<b>111</b>	Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko
<b>116</b>	Dasar Pendedahan

# Penyata Tadbir Urus Korporat

## PENGENALAN

Oleh kerana Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, syarikat tidak perlu mematuhi syarat-syarat pendedahan tadbir urus korporat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities (Bursa Malaysia) atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Walau bagaimanapun, sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen penuh untuk bersifat telus dalam menyediakan laporan berkualiti untuk Laporan Tahunan Syarikat.

Oleh yang demikian, pendedahan di dalam seksyen ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Pendedahan meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko. Penyata-penyata ini diharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kami ingin menekankan bahawa semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia, dan secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, untuk tujuan laporan ini, kami telah mengklasifikasikan pengarah yang telah berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam pekhidmatan Kerajaan selama dua tahun) sebagai Pengarah Bebas, iaitu bebas dari pihak Pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.

## RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat portfolio kami.

Satu rangka kerja tadbir urus korporat yang pragmatik telah dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diguna pakai oleh Ekuinas berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- i. Menggalakkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan tindakan responsif;
- ii. Mengukuhkan penciptaan nilai jangka panjang dan mengimbangi antara risiko dan pulangan; dan
- iii. Mengalakkan inovasi dan keusahawanan di dalam Syarikat melalui kecekapan pemerhatian rangka kerja pengurusan risiko.

### RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Penyata Tadbir Urus yang Baik	Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
Lembaga Pengarah dan Jawatan (✓) Peranan dan Tanggungjawab Pengarah (✓) Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓) Kebertanggungjawaban dan Audit (✓)	Sistem dan Kawalan Dalaman (✓) Rangka Kerja Audit Dalaman (✓) Rangka Kerja Pengurusan Risiko (✓) Rangka Kerja Audit Luaran (✓)

### KOD ETIKA

Kod Etika Pengarah (✓)	Kod Etika Kakitangan (✓)	Kod Perilaku Penyelia Perkhidmatan (✓)
Dasar Penipuan dan <i>Whistle Blowing</i> (✓)		
Pendedahan dan Urusniaga Sekuriti (✓)		

Nota: (✓) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

Ekuinas mengiktiraf peranan penting semua ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusannya dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas. Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi dari pelbagai latar belakang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta, dan mereka ini amat penting dalam menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun kewangan ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan Piagam Tadbir Urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting untuk diguna pakai oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Mesyarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Kod Perilaku;
- Perwakilan Kuasa;
- Pengurusan dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Proses Audit dan Kawalan Dalaman.

Piagam Tadbir Urus yang diguna pakai menetapkan nilai-nilai utama, prinsip dan etos Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Tadbir Urus berfungsi bukan sahaja sebagai peringatan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, tetapi juga sebagai satu pernyataan umum hasrat dan jangkauan tentang bagaimana Lembaga Pengarah akan melaksanakan tugas mereka.

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas mengguna pakai prinsip-prinsip dan syor-syor utama amalan yang baik sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) (Kod) dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR).

### **TANGGUNGJAWAB DAN HAD BIDANG KUASA AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Ekuinas telah menubuhkan Had Bidang Kuasa yang memperuntukkan kuasa membuat keputusan sepenuhnya kepada Lembaga berkenaan perkara-perkara tertentu seperti:

- i. Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
- ii. Pelan tahunan, bajet dan strategi Syarikat;
- iii. Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa syarikat; dan
- iv. Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain daripada urusan yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, Lembaga Pengarah meluluskan sebahagian besar transaksi yang melebihi had nilai ambang tertentu, namun mewakilkan kuasa untuk transaksi di bawah had-had tersebut kepada pihak Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi.

### **KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH**

Seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif meletakkan jawatan pada Julai 2016, mengurangkan jumlah ahli Lembaga Pengarah kepada tujuh (7) orang. Ia kini terdiri daripada seorang (1) Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), empat (4) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif bersama pengarah gantian yang dilantik sebagai Pengarah Gantian Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Tidak seorang pun daripada para pengarah bebas yang dilantik mempunyai perkhidmatan terkumpul melebihi sembilan (9) tahun.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap individu Pengarah memastikan bahawa tiada seorang individu atau kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan. Lima pertujuh daripada ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, melebihi keperluan satu pertiga seperti yang dinyatakan dalam Kod dan MMLR. Ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah juga untuk memastikan objektiviti dalam semua isu yang dibincangkan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian terkemuka.

### PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA LEMBAGA PENGARAH

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah, dengan pengesahan daripada Yayasan Ekuiti Nasional.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baru perlu dilantik, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, Jawatankuasa juga boleh memohon nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan secara majoritinya adalah Pengarah Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 95 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

### JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:-

- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko;
- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Pelaburan; dan
- Jawatankuasa CSR.

Fungsi dan Bidang Tugas (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan, di mana berkenaan, mematuhi saranan Kod. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini.

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan TOR utamanya adalah seperti berikut

#### a. **Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)**

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:-

Pengerusi: Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
Ahli: Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan  
Datuk Noriyah Ahmad

Butiran lanjut berkenaan TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 111 hingga 115 Laporan Tahunan ini.



## Penyata Tadbir Urus Korporat

### b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, di mana kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

Pengerusi: Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan  
Ahli: Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Sebanyak tiga (3) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 97.

### **Bidang Tugas**

Tanggungjawab utama NRC, selaras dengan bidang tugasnya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berikut:-

#### a. *Fungsi Utama*

Berkenaan pencalonan, tugas-tugas jawatankuasa ini termasuklah:

- mencalonkan dan mencadangkan calon-calon untuk dilantik sebagai Pengarah Syarikat kepada Lembaga Pengarah;
- semasa membuat saranan, mempertimbangkan calon pengarah yang dicadangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- mencadangkan calon-calon pengarah untuk menganggotai Jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada Lembaga Pengarah;
- membantu Lembaga Pengarah membuat penilaian tahunan berhubung kepelbagaian kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk keupayaan utama yang harus dimiliki oleh Pengarah Bukan Eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap pengarah, secara keseluruhan.

Berhubung dengan ganjaran, tanggungjawab NRC merangkumi perkara berikut:

- menentukan dan mengesyorkan rangka kerja atau dasar umum bagi pakej ganjaran CEO Syarikat, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- membangunkan prosedur rasmi dan telus untuk merangka dasar berkenaan jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain termasuk bonus, insentif dan opsyen saham;
- menyemak dan mengesyorkan sebarang penambahbaikan kepada dasar dan pakej ganjaran kumpulan Pengurusan serta isu-isu lain yang berkaitan dengan ganjaran Pengurusan kepada Lembaga Pengarah pada setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara dalam struktur ganjaran kakitangan di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan
- menyemak dan mengesyorkan penggunaan rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat kepada Lembaga Pengarah. Rangka kerja skim insentif tahunan ini merangkumi:-
  - Kenaikan gaji berasaskan merit;
  - Bonus berasaskan merit; dan
  - Insentif pengekalan dan ganjaran.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

### **b. Bidang kuasa**

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:-

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana kakitangan Syarikat dalam melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional luar termasuk nasihat perunding bebas berhubung ganjaran, dan jika perlu, memastikan penasihat luar ini hadir semasa mesyuaratnya serta mendapatkan maklumat terkini dan boleh dipercayai berkenaan ganjaran yang ditawarkan di syarikat-syarikat lain, di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan supaya sebarang laporan atau tinjauan dibuat untuk membantu memenuhi kewajipannya sekiranya perlu.

### **c. Mesyuarat**

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC perlu diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Korum dicapai apabila mana-mana dua ahli hadir.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC disifatkan sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC bersidang, dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

### **Ringkasan Aktiviti pada tahun 2016**

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:-

- Menjalankan penilaian tahunan ke atas komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- Mengkaji dan mempertimbangkan pelantikan Pengarah baru Ekuiti Nasional Berhad;
- Mempertimbangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas bagi tahun kewangan berakhir 2015, Pembayaran Bonus dan Kenaikan Gaji Berasaskan Merit bagi tahun 2016; dan
- Mengkaji Cadangan Rangka Kerja KPI bagi tahun kewangan berakhir 2016.

### **c. Jawatankuasa Pelaburan (IC)**

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur ini merupakan struktur yang lazimnya dipraktikkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuklah:-

- meluluskan cadangan bagi semua keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

### **d. Jawatankuasa CSR (CC)**

Jawatankuasa CSR (CC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2013 untuk mengkaji semula dan memantau program-program CSR Ekuinas serta memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Kumpulan Pengurusan dikehendaki memaklumkan aktiviti-aktiviti dan program-program CSR kepada Jawatankuasa CSR dan/atau Lembaga Pengarah apabila diarahkan.

Tanggungjawab dan fungsi utama CC termasuk:

- mengkaji dan meluluskan pelan tahunan CSR Ekuinas, termasuk peruntukan untuk pelbagai program dan inisiatif CSR, berdasarkan jumlah peruntukan bagi CSR Ekuinas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti CSR; dan
- membincangkan sebarang isu serius berkaitan projek-projek CSR yang mempunyai implikasi kewangan atau reputasi kepada Ekuinas.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

### e. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada kumpulan Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk membantu ARMC dan Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas.

### MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diserahkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk merancang dan mendapatkan komitmen masa dari semua Pengarah.

### KEHADIRAN DI MESYUARAT-MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut.

Nama Pengarah	Lembaga Pengarah				
	ARMC <sup>1</sup>	NRC <sup>2</sup>	IC <sup>3</sup>	CC <sup>4</sup>	Bilangan Mesyuarat Dihadiri
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	8 dari 8	5 dari 5	3 dari 3	-	-
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	8 dari 8	5 dari 5	3 dari 3	-	-
Tan Sri Mohamed Azman Yahya	8 dari 8	-	3 dari 3	5 dari 5	-
Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff (termasuk kedatangan Pengarah Gantian)	5 dari 8	-	-	-	-
Datuk Noriyah Ahmad	7 dari 8	5 dari 5	-	-	1 dari 1
Datuk Ali Abdul Kadir	6 dari 8	-	-	5 dari 5	-
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	8 dari 8	-	-	5 dari 5	-
Johan Mahmood Merican <sup>5</sup>	2 dari 2	-	-	-	-

Nota:

1 ARMC – Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

2 NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran

3 IC – Jawatankuasa Pelaburan

4 CC – Jawatankuasa CSR

5 Meletakkan jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif bermula 1 Julai 2016 dan dilantik sebagai pengarah gantian kepada Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff bermula 14 Oktober 2016. Kedatangan di atas menunjukkan bilangan mesyuarat yang dijadualkan semasa Pengarah memegang jawatan tersebut.



## Penyata Tadbir Urus Korporat

### **MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, MANTAP DAN BERKESAN**

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah menyediakan saluran yang berkesan untuk menilai bukan sahaja para pengarah bebas tetapi juga prestasi keseluruhan Lembaga Pengarah. Ia juga menyerlahkan perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan dan tindakan pemulihan ke atas pentadbiran dan proses Lembaga Pengarah. Syarikat telah mengguna pakai metodologi **Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE)** yang menumpukan kepada, antara lainnya:

- i. Penilaian prestasi Lembaga Pengarah – tanggungjawab, komposisi, pentadbiran dan proses, perilaku, interaksi dan komunikasi, keberkesanan Pengerusi dan CEO;
- ii. Penilaian prestasi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah – struktur dan proses, akauntibiliti dan tanggungjawab, keberkesanan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa; dan
- iii. Menanda aras keputusan penilaian Lembaga Pengarah dengan contoh sepadan bagi mendapatkan pandangan tambahan mengenai kecekapan dan isu-isu berkaitan Lembaga Pengarah.

BEE melibatkan penyempurnaan soal selidik oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan secara keseluruhannya. Penilaian rasmi ke atas prestasi Lembaga Pengarah telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan penilaian berikutnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2017/2018.

Di samping itu, Lembaga Pengarah, melalui NRC, telah melaksanakan penilaian bebas ke atas semua Pengarah Bebas dalam tahun kewangan tersebut. Kriteria penilaian bebas tersebut adalah berpandukan takrif “Pengarah Bebas” seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia MMLR. Selain itu, para Pengarah juga mengemukakan pengisytiharan tahunan bagi mematuhi Kod Etika Pengarah.

### **KETIDAKSANDARAN DAN IMBANGAN KUASA**

Untuk memastikan keseimbangan kuasa, jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang konstruktif di peringkat Lembaga Pengarah. Penggabungan kedua-dua jawatan ini boleh menimbulkan sikap berat sebelah dan menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan mereka secara bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudah cara tugas Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara. CEO bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkelayakan tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan niaga perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas. Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dibentangkan di halaman 44 hingga 51 Laporan Tahunan ini.



## Penyata Tadbir Urus Korporat

### KOD PERILAKU

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua Pengarah Ekuinas yang berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Penggunaan Kod Etika Pengarah memformalkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan objektif-objektif Ekuinas dan cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau secara efektif pengurusan Ekuinas termasuk sistem kawalan dan akauntabilitinya;
- meluluskan dan memantau kemajuan perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji semula dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- melulus dan memantau laporan kewangan dan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- melulus pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran.

### GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar Syarikat berkenaan ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC mengesyorkan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:-

<b>Ganjaran</b>	<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>
Gaji	RM2,310,781
Ganjaran Lain (e.g. Elaun dan kelebihan lain)	RM485,560

Ganjaran yang diberikan kepada Pengarah pada tahun itu, dianalisis dalam rangkap RM50,000, yang mematuhi keperluan pendedahan di bawah Bursa Malaysia MMLR adalah seperti berikut:-

<b>Kadar Ganjaran (RM)</b>	<b>Pengarah Eksekutif</b>	<b>Pengarah Bukan Eksekutif</b>
RM50,000 – RM100,000		2
RM100,000 – RM150,000		5
RM2,050,000 – RM2,100,000	1	


## Penyata Tadbir Urus Korporat

### LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pendidikan yang berterusan untuk para Pengarah bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi. Program-program latihan, persidangan dan seminar yang dianggap memberi manfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan bajet yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan para Pengarah. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan bidang atau industri tertentu.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai pembentang/penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:-

#### KEDATANGAN LATIHAN PENGARAH (Mengikut Kategori dan Jumlah Acara)



### AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada ahli Lembaga Pengarah untuk mengkaji, menimbang dan memahami dengan lebih dalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan. Justeru, perbincangan mesyuarat akan lebih tertumpu kepada soalan-soalan berkaitan perkara-perkara berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- ii. Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
- iii. Laporan hal-hal yang berbangkit;
- iv. Laporan berkenaan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- v. Laporan kewangan suku tahunan dan laporan prestasi pelaburan Syarikat; dan
- vi. Perkara penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

CEO, dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat yang lengkap sebelum keputusan penting diambil.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, serta memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

### **INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN**

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan laporan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh menyatakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan bagi perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

### **KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR**

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan lain bukan audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko melaksanakan penilaian prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar secara tahunan. Laporan Tahunan Syarikat juga menzahirkan fi yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

### **PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah mengenai operasi yang cekap dan berkesan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.


Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 104 hingga 110 dalam Laporan Tahunan ini.

# Penyata Tadbir Urus Korporat

## Fungsi Audit Dalaman

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, yang mana menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus.

Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:





## Penyata Tadbir Urus Korporat

### **HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN**

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Syarikat mengakui kepentingan untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti bagi menjayakan dan memastikan hubungan yang produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh itu, Syarikat memberi penekanan mengenai kepentingan pendedaran maklumat dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

#### **Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan**

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman web sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawangnya di [www.ekuinas.com.my](http://www.ekuinas.com.my).

Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:

Telefon : 03-7710 7171

Faks : 03-7710 7173

#### **PERKARA UMUM**

Unit Komunikasi

E-mel: [info@ekuinas.com.my](mailto:info@ekuinas.com.my)

#### **TADBIR URUS KORPORAT**

Unit Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko

E-mel: [governance@ekuinas.com.my](mailto:governance@ekuinas.com.my)

Penyata Tadbir Urus Korporat ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 14 Mac 2017.

# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

## PENGENALAN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun MMLR tidak terpakai kepada Syarikat.

## TANGGUNGJAWAB

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan jaminan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan dalam melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan.

Lembaga Pengarah juga telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

### **Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman**

CEO dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga semasa Penyata ini diluluskan.


## SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntibiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau usniaga strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Struktur dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:



## Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Lembaga Pengarah, melalui ARMC, menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat. Antara tanggungjawab utama ARMC adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan mengkaji isu-isu kawalan dalaman yang dinyatakan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), pihak Pengurusan, dan juruaudit luar; dan mengkaji semula fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM yang berfungsi sebagai audit dalaman Syarikat melapor terus kepada ARMC.

Secara majoritinya, ARMC dianggotai oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

## Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan yang penting untuk menggariskan langkah utama bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolionya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan ditarafkan untuk menentukan kesan dan kemungkinan ia berlaku berdasarkan Rangka Kerja Penarafan Risiko Syarikat berlandaskan Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas yang telah diluluskan.

## Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Dalam usaha mengurangkan risiko, inisiatif utama dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak Pengurusan. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada RMC dan ARMC setiap suku tahun.

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:

- menyemak dan mengesyorkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan Syarikat dan syarikat portfolio kepada risiko serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- mengkaji prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun; dan
- mengkaji sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.

Selaras dengan tanggungjawab di atas, empat (4) mesyuarat RMC telah diadakan sepanjang tahun kewangan 2016. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

### **Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)**

Peranan CGRM adalah untuk membantu ARMC dan Pengurusan Syarikat untuk menjalankan tugas dengan berkesan dengan melaksanakan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Sebagai peranan penting dalam proses ini, CGRM akan memberikan analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas kepada ARMC berkenaan aktiviti yang dikaji.

Pelan tahunan dan KPI CGRM dikaji dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah, dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada pihak Pengurusan dan ARMC.

## **AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

### **Strategi Pengurangan Risiko**

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalpastian dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.



## Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

RISIKO EKUINAS (SYARIKAT)			
Strategik	Pelaburan Langsung	Program Penyumberan Luar	Operasi
<ul style="list-style-type: none"> <li>Persekitaran Luaran</li> <li>Pembiayaan</li> <li>Kawalan selia</li> <li>Pihak Berkepentingan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aliran urusniaga dan penilaian</li> <li>Prestasi dan pengurusan Pelaburan</li> <li>Objektif sosial</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemilihan OFM</li> <li>Prestasi OFM</li> <li>Pengurusan OFM</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sumber Manusia</li> <li>Perbendaharaan</li> <li>Pengurusan dan Pelaporan Kewangan</li> <li>Pematuhan</li> <li>Perkhidmatan Bersama</li> </ul>
RISIKO SYARIKAT PORTFOLIO			
Strategik dan Pasaran	Perniagaan dan Kewangan	Strategi Penciptaan Nilai	Pelaksanaan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Persekitaran Luaran</li> <li>Industri</li> <li>Kerajaan dan Kawal Selia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Operasi perniagaan</li> <li>Perbelanjaan modal dan pelaburan</li> <li>Penggearing/Hutang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengembangan Perniagaan</li> <li>Penggabungan dan Pengambilalihan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sumber Manusia</li> <li>Sistem dan Proses IT</li> <li>Pengurusan dan Laporan Kewangan</li> <li>Tadbir Urus dan Pematuhan</li> </ul>

Risiko strategik diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearing, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala.

Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mengguna pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat, demi memastikan urusniaga yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterima pakai di dalam semua proses pelaburan dan urusniaga pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja Pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusniaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

## Laporan Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan Syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, serta keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan Syarikat Portfolio. Elemen utama proses ini adalah:

PENDEKATAN PENILAIAN RISIKO		
KONTEKS	KEKERAPAN	PROSES
Ekuinas	Dikemaskini setiap suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun
Syarikat Portfolio	Dikemaskini setiap suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun
Cadangan Pelaburan	Apabila perlu	Prosedur Cadangan pelaburan

Memastikan kajian risiko-risiko utama dan langkah-langkah pengurangan bagi Syarikat dan syarikat-syarikat portfolio dibentangkan di mesyuarat RMC dan pembentangan seterusnya kepada ARMC dan Lembaga Pengarah.

Memastikan risiko-risiko utama dikenalpasti dan aktiviti pengurusan risiko dijalankan sebagai sebahagian daripada keperluan asas bagi semua cadangan pelaburan.

## PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:

- **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan mempunyai Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

- **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Prosedur bertulis ini meliputi bidang Pelaburan Langsung, Program Penyumberan Luar, Kewangan, Sumber Manusia, Teknologi Maklumat (IT), Perolehan, Perundangan, Pengurusan Pihak Berkepentingan, Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta dasar dan prosedur penting lain. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di halaman sebelah.

# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman



Nota: 1 & 2 Rangka Kerja Pelaburan telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN BERSAMA	KEWANGAN & PERAKAUNAN	SUMBER MANUSIA
	<b>Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Aset Tetap (✓)</li> <li>Tunai Runcit (✓)</li> <li>Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan (✓)</li> <li>Belanjawan (✓)</li> <li>Pembayaran &amp; Tuntutan (✓)</li> <li>Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan (✓)</li> </ul>	<b>Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan Gaji (✓)</li> <li>Latihan &amp; Pembangunan (✓)</li> <li>Pengambilan Pekerja &amp; Perancangan Modal Insan (✓)</li> <li>Pengurusan Prestasi &amp; Pampasan (✓)</li> <li>Pelan Pengkalan Jangka Panjang (✓)</li> <li>Pengurusan Bakat (✓)</li> <li>Hubungan Pekerja (✓)</li> </ul>
	PERBENDAHARAAN	PERUNDANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan (✓)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Prosedur Operasi Standard Perundangan (✓)</li> </ul>
	PEROLEHAN & PENTADBIRAN	M.I.S
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan (✓)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat (✓)</li> </ul>
	TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)	KOMUNIKASI
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR (✓)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar Komunikasi (✓)</li> </ul>
PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN	DASAR PENDEDAHAN	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan (✓)</li> </ul>	

Nota: (✓) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai

## • Kod Etika

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borang penerimaan.

## Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

- **Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan**

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban serta menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, kontraktor, perunding dan penasihat utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini termasuk, dan tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendalikan operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan dan Dasar *Whistle Blowing***

Untuk mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar *whistleblowing* telah diperkenalkan untuk menyediakan akses kepada kakitangan yang berniat baik melaporkan apa-apa salah laku yang disyaki. Dasar ini menangani komitmen Syarikat terhadap integriti dan etika dengan membantu untuk memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa rasa takut kepada sebarang hukuman.

- **Kawalan Pelaburan**

Di dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

### **Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar**

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Terserai, dan tidak ada maklumat yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad ini dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Disyorkan (RPG) 5 (Pindaan) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Pindaan) tidak memerlukan juruaudit luar untuk menyatakan pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan system pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat.

### **KESIMPULAN**

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Tumpuan ke atas langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampuan perniagaan akan terus dilaksanakan. Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 14 Mac 2017.



# Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

## KOMPOSISI DAN KEHADIRAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:-

- dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti adalah pengarah bebas;
- semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif;
- sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan; dan
- pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC.

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Kehadiran mesyuarat	%
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (Pengerusi Jawatankuasa)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 dari 5	100
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 dari 5	100
Datuk Noriyah Ahmad	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 dari 5	100

## MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. ARMC juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 21 Mac 2016 dan 30 September 2016.

Pengerusi ARMC membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah dan minit-minit mesyuarat didokumenkan dan diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

# Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

## BIDANG TUGAS

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, ARMC memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:

### Komposisi Ahli

Komposisi Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:

- ARMC hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti ahlinya hendaklah terdiri daripada Pengarah bebas dan semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif; dan
- sekurang-kurangnya seorang ahli ARMC:
  - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
  - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
    - beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
    - beliau adalah ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967.
- Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC;
- Sekiranya berlaku kekosongan di dalam ARMC dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan; dan
- Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha ARMC.

### Skop

- ARMC diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua kakitangan diarahkan agar bekerjasama seperti mana yang diarahkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- ARMC diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa ini menjalankan tanggungjawabnya;
- ARMC membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
- ARMC hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalam dan pihak Pengurusan melalui mesyuarat yang telah dijadualkan;
- ARMC akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalam dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
- ARMC boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
- dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan Syarikat yang membabitkan implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada ARMC agar penyiasatan dapat dijalankan.

### Bidang Kuasa

ARMC mempunyai kuasa yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah seperti berikut:

- kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seinduk;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah bebas dan bukan eksekutif yang lain, tanpa kehadiran mana-mana Pengarah Eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau sekiranya perlu.

## Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

### Mesyuarat

- ARMC akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan tugas mereka. Korum mesyuarat ARMC ialah dua (2) orang ahli;
- sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;
- selain daripada ahli-ahli ARMC, CFO dan Ketua CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan kumpulan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dibentangkan untuk perbincangan. Juruaudit luar akan diminta hadir apabila perlu;
- Pengerusi akan mengadakan mesyuarat ARMC, di atas permintaan juruaudit luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
- Juruaudit luar berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat ARMC dan hendaklah hadir di mesyuarat ARMC apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa tersebut.

### Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab ARMC ke atas kumpulan-kumpulan berikut adalah seperti di bawah:

#### **a. Lembaga Pengarah**

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah:
  - Mengetahui penemuan penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
  - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat ARMC dengan menumpukan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh ARMC, secara berkala; dan
  - Ringkasan mengenai kebimbangan dan kelemahan ketara dalam persekitaran kawalan yang diperhatikan sepanjang tahun dan langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menangani isu-isu tersebut.
- Menyelia fungsi jabatan CGRM dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
- Mengkaji segala urusan berkaitan pematuhan yang disediakan oleh Pengurusan berkaitan keperluan kawal selia atau keperluan pelaporan luar lain, berhubung operasi Syarikat;
- Semakan laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di bawah bidang kuasa ARMC, oleh yang demikian, semua fungsi yang dinyatakan di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh ARMC dan diselaraskan dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan; dan
- Mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

## Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

### *b. Juruaudit Luar*

- Mempertimbang pelantikan juruaudit luar, bayaran dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan;
- Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan penyelarasan sekiranya ia melibatkan lebih daripada satu firma audit;
- Berbincang dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
- Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:
  - sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
  - pelarasan ketara yang berbangkit daripada audit;
  - andaian usaha berterusan; dan
  - pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.

### *c. Juruaudit Dalaman*

- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang berbangkit daripada audit luaran, dan perkara-perkara lain yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
  - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
  - Menyemak semula program dan proses audit dalaman, hasil program dan hasil proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan sewajarnya diambil susulan daripada saranan fungsi audit dalaman;
  - Menyemak sebarang penilaian yang dibuat ke atas prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
  - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang bidang kuasa fungsi audit dalaman;
  - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli pengurusan kanan fungsi audit dalaman;
  - Mengemaskini maklumat terkini tentang peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab peletakan jawatan;
  - Memastikan audit dalaman sentiasa mempunyai sumber yang mencukupi dan cekap;
  - Memantau dengan teliti sebarang percanggahan ketara antara audit dalaman dengan pihak Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
  - Mempertimbangkan isu-isu penting yang diperolehi daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.

### *d. Transaksi Pihak Berkaitan*

- Mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin berbangkit dalam Syarikat termasuk sebarang transaksi, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.



# Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

## AKTIVITI-AKTIVITI

Sejajar dengan bidang tugas ARMC, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:

- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja masing-masing yang disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar bagi tahun kewangan tersebut;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan laporan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk diguna pakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan mempertimbangkan semakan khas dan semakan ad-hoc yang dijalankan oleh CGRM atas permintaan khas pihak Pengurusan/ARMC.

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melapor terus kepada ARMC dan kepada CEO dari aspek pentadbiran. Fungsi audit dalaman adalah menurut Piagam Tadbir Urus Korporat yang diluluskan, yang memastikan kebebasannya semasa menilai dan membuat laporan mengenai kecukupan, integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat, berlandaskan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Semakan dan inisiatif penambahbaikan kawalan yang dilaksanakan oleh CGRM ditetapkan dalam pelan audit tahunan yang disemak dan diluluskan oleh ARMC pada tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumen dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, serta memudahkan semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada RMC dan ARMC. CGRM turut berbincang dengan pengurusan Syarikat-syarikat Portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik.

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

**Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 14 Mac 2017.**

# Dasar Pendedahan

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antara lainnya seperti garis panduan Walker Guidelines Monitoring Group 2007, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara berdaulat atau sovereign wealth funds dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.


Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman web rasmi, sehingga maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan dana negara berdaulat yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa;
- Bersikap responsif terhadap permohonan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelabur bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai syarikat, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Rangka Kerja Pendedahan Ekuinas



*Hal Ehwal  
Pihak  
Berkepentingan*



---

120	ILTIZAM bersama Ekuinas
122	ILTIZAM untuk Keusahawanan
124	ILTIZAM untuk Pendidikan
126	ILTIZAM untuk Komuniti
128	Ringkasan 2016
129	Skim Jejak Jaya Bumiputera

# ILTIZAM bersama Ekuinas

## Ekuinas mempunyai misi yang jelas: mengenal pasti dan mengembangkan syarikat yang berprestasi tinggi.

Ini dilaksanakan untuk memenuhi mandatnya iaitu menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi, yang seterusnya, membantu ke arah kemakmuran dan perkembangan masyarakat sejagat. Visi ini menjadi asas dalam semua proses membuat keputusan syarikat dan memupuk nilai dan tingkah laku yang menjadi paksi dalam semua aktiviti kami; keputusan; ketelusan dan keinginan untuk operasi yang adil dan berkesan; serta komitmen kami kepada masyarakat.

Menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami, ILTIZAM menyediakan struktur bagi merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti. Ia digunakan sebagai cara untuk memantau perkembangan, dan seterusnya memberi maklum balas

bersama-sama dengan keputusan serta langkah yang membentuk impak positif kepada semua pihak yang terlibat.

ILTIZAM bertujuan untuk memperkasa masyarakat Bumiputera dan memberi impak untuk merealisasikan potensi mereka. Ia mempunyai tiga tunggak strategik iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti, yang menjadi panduan bagi semua komitmen dan aktiviti syarikat sepanjang tahun.

ILTIZAM memilih kumpulan sasarannya dengan sangat teliti. Ini memastikan kami tidak lupa erti sebenar CSR dan sumber yang diperuntukkan bertujuan mewujudkan impak yang bermakna bagi penerima bantuan dan masyarakat sejagat.

Prinsip ketelusan, dasar tadbir urus yang baik dan amalan terbaik yang dilaksanakan di Ekuinas juga merupakan prinsip utama ILTIZAM. Sebagai satu program CSR yang profesional, setiap ringgit yang dibelanjakan oleh ILTIZAM mempunyai justifikasi dan semua hasil program tersebut dilaporkan, sama ada hasil ketara atau tidak ketara dari aktiviti-aktivitinya. Ini membolehkan Lembaga Pengarah menentukan bantuan dan peruntukan dana disalurkan dengan lebih berkesan dan bermakna. ILTIZAM melapor kepada Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat yang dipengerusikan oleh salah seorang anggota Lembaga Pengarah Ekuinas.

### Tunggak dan program ILTIZAM



Keusahawan ♦ Pendidikan ♦ Komuniti



Program Mentor Keusahawanan



- Program Pembangunan Profesional
- Program Perkembangan Pendidikan
  - Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera
  - Dana Pendidikan ILMU
  - Program Pembangunan dan Latihan Marin Minyak dan Gas



Program Komuniti Lestari

## iltizam bersama ekuinas

### Evolusi ILTIZAM

Di Ekuinas, aktiviti sosial korporat kami bermula pada tahun 2013 apabila kakitangan Ekuinas dengan sukarela menawarkan masa mereka untuk membantu usahawan tempatan dan komuniti terpilih. Tujuannya adalah untuk menggalakkan semangat altruism dalam kalangan pekerja dan melalui aktiviti ini, para penerima terpilih juga mendapat manfaat yang ketara. Ia turut memberi ganjaran dan kepuasan di peringkat korporat dan secara peribadi.

Rangka Kerja Tanggungjawab Korporat Ekuinas telah dilancarkan pada 2013, yang merasmikan dan memformalkan

komitmen syarikat ke arah menyumbang kepada masyarakat yang lebih luas. Dua tahun kemudian, ia telah dinamakan sebagai ILTIZAM, dan dilancarkan secara rasmi pada 25 Februari 2016.

Sebuah jabatan khusus untuk CSR, dengan kakitangan sepenuh masa, menguruskan ILTIZAM bersama-sama tunggak dan programnya sejak 2015. Ini membolehkan aktiviti-aktiviti ILTIZAM dijalankan secara konsisten sepanjang tahun dan turut meluaskan capaian kami.

ILTIZAM adalah perkataan Bahasa Malaysia yang bermaksud komitmen, kegigihan dan

keazaman. Ia mencerminkan semangat yang tidak mudah luntur dalam usaha gigih untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Ia adalah keupayaan untuk mengatasi sebarang halangan dan keinginan untuk mengubah sesuatu cabaran itu menjadi satu peluang. Ini dilaksanakan melalui kerja keras dan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi untuk menghasilkan keputusan yang positif.

Menerusi ILTIZAM, Ekuinas berharap akan dapat mencetus inspirasi kepada golongan yang ingin mencapai impian mereka dan merealisasikan potensi mereka sepenuhnya.





# ILTIZAM untuk Keusahawanan



## Membina kemahiran untuk berjaya



Salah satu objektif ILTIZAM adalah untuk memperkasakan usahawan tulen Bumiputera. Kami percaya bahawa cara yang amat berkesan dan secara langsung membantu keluarga dan masyarakat untuk mencapai kemakmuran dan kejayaan adalah dengan membina perniagaan kecil yang mampan.

Program Mentor Keusahawanan (EMP) kami diolah ke arah membina kemahiran yang diperlukan oleh perusahaan mikro dan kecil (MASE) untuk merealisasi potensi dan meningkatkan keupayaannya.

Pada dasarnya, kami mahu membantu usahawan kecil Bumiputera yang tidak memenuhi kriteria pelaburan Ekuinas, dengan membawa perniagaan mereka ke tahap yang seterusnya dan ini dilakukan dengan memberikan mereka akses kepada rakan-rakan pelabur, pengetahuan, kepakaran, rangkaian kami serta memupuk kerjasama dan perkongsian.


Sejajar dengan matlamat utama ILTIZAM untuk memaksimumkan impak dalam semua aktiviti, kami mengenal pasti usahawan yang mempunyai semangat dan kesungguhan yang tinggi serta perniagaan yang berpotensi. Syarikat mereka harus menunjukkan potensi perniagaan yang tinggi dan yang paling penting mempunyai keperluan yang jelas untuk mendapatkan bantuan, di mana ILTIZAM boleh membantu dan menambah nilai.

Syarikat-syarikat ini akan melalui proses ikatan antara enam bulan hingga satu tahun. Dalam tempoh ini, isu-isu utama dalam perniagaan akan

dikenal pasti dan kumpulan ini, bersama-sama dengan perunding pihak ketiga yang dilantik oleh ILTIZAM akan mengenal pasti cara-cara untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut dan menyediakan perkhidmatan sokongan melalui bimbingan khusus. Perkhidmatan sokongan disediakan dalam pelbagai bentuk termasuk pendidikan keusahawanan, sumber manusia, pemasaran, kewangan dan perakaunan, nasihat perundangan serta aktiviti sampingan yang lain.

Hasil usaha yang dilaksanakan harus memberi kesan positif kepada usahawan dan perniagaan mereka walaupun selepas tempoh ikatan tamat. Dengan cara ini, penglibatan kami benar-benar menambah nilai dan hanya langkah-langkah peningkatan operasi yang bermakna sahaja yang dilaksanakan.

Instrumen Diagnostik yang telah dibangunkan oleh Ekuinas dan Boston Consulting Group merupakan pemboleh program ini. Kaji selidik perniagaan ini digunakan untuk memeriksa keadaan sesebuah organisasi dan membolehkan kami mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang ingin menjadi sebahagian daripada program kami. Melalui penilaian awal ini, keutamaan diberikan kepada cabaran utama yang kritikal, dan seterusnya kami akan membangunkan pelan tindakan atau membuat cadangan berdasarkan amalan terbaik bagi industri masing-masing untuk menangani tiga isu utama mereka. Semuanya bermula dengan penilaian ini. Hasil daripada keputusan Instrumen Diagnostik ini, kami akan memanfaatkan sumber dan jaringan Ekuinas untuk membantu usahawan yang dipilih.





# ILTIZAM untuk Keusahawanan

## Program Mentor Keusahawanan

### Memproses

# 54

permohonan dari perusahaan mikro dan kecil

# 11

syarikat menyatakan minat dan

# 7

syarikat menjalankan proses menggunakan Instrumen Diagnostik

# 2

syarikat disenarai pendek



## Syarikat baharu yang dipilih pada 2016

ILTIZAM telah memproses sebanyak 54 permohonan dari perusahaan mikro dan kecil (MASE) sepanjang tahun. Daripada jumlah ini, 11 syarikat menyatakan minat mereka untuk menyertai program kami dan tujuh syarikat dari pelbagai industri telah menjalankan proses pemeriksaan menggunakan Instrumen Diagnostik.

Dua syarikat terpilih menjadi sebahagian daripada program iaitu Proquaz Sdn Bhd yang menguruskan rangkaian pusat perkembangan kanak-kanak di bawah jenama Pusat Islam Kanak-kanak (CIC); dan Biz Connexion Sdn Bhd, sebuah syarikat penjenamaan majikan dan perekrutan kerjaya siswazah yang dikenali sebagai Graduan. Kami masih dalam proses penilaian syarikat-syarikat lain untuk memastikan syarikat mereka akan mendapat tambahan nilai dan manfaat dari penyertaan kami.

CIC adalah sebuah pusat perkembangan Islam yang memberi tumpuan kepada program perkembangan bagi kanak-kanak yang berusia antara tiga hingga 12 tahun. CIC kini mempunyai 53 pusat perkembangan dengan 3,000 pelajar dan disokong oleh lebih daripada 300 pekerja. Seperti kebanyakan syarikat kecil dan sederhana yang sedia untung, pengurusan kewangan dan proses perniagaan syarikat ini memerlukan penambahbaikan untuk menyokong operasinya yang semakin berkembang.

Ekuinas telah melantik PricewaterhouseCoopers (PwC) untuk menjalankan kajian keberkesanan fungsi kewangan syarikat terpilih. Perkara yang telah disorkan adalah penambahbaikan proses dan prosedur standard operasi kewangan; dan kami sedang dalam proses melaksanakan syor-syor tersebut untuk menangani isu-isu berkaitan kutipan hasil pendapatan dan pelaporan data dan kewangan di antara 53 pusat perkembangan dan ibu pejabatnya.

Graduan pula adalah sebuah syarikat penjenamaan majikan dan perekrutan kerjaya siswazah, yang menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan termasuk penerbitan, pengurusan acara, portal web, penyelidikan dan penerbitan video. Ia merupakan satu-satunya syarikat Bumiputera dalam bidang penjenamaan majikan yang berfungsi sebagai pusat sehenti untuk graduan baru dan bakat Malaysia. Para siswazah boleh menggunakan perkhidmatan dan platform Graduan untuk mendapatkan maklumat komprehensif dan praktikal berkenaan peluang perekrutan, prospek kerjaya, penempatan kerja dan keperluan industri. Pertumbuhan syarikat meningkat sebanyak 20% dalam tempoh empat tahun lalu, tetapi menghadapi kesukaran dalam meningkatkan skala

syarikat dan menembusi pasaran yang lebih besar kerana isu sokongan dalaman syarikat.

Melalui Program Mentor Keusahawanan ILTIZAM, kumpulan kami telah mengenal pasti bahawa Graduan perlu menaik taraf sistem IT mereka bagi menampung pangkalan data yang semakin berkembang. Ekuinas membantu dalam pemasangan sistem pengurusan hubungan pelanggan dan sistem perakaunan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses perniagaannya. Di samping itu, kami juga membantu dalam mengubahsuai laman web rasmi, www.graduan.com, selaras dengan fasa pertumbuhan seterusnya iaitu untuk ke arah bidang digital. Dengan laman web yang telah dinaik taraf, terdapat potensi untuk menjana keuntungan dari laman web mereka dengan menarik minat majikan-majikan untuk melabur dalam pengiklanan.

Untuk meluaskan capaian kami dan mendekati lebih ramai usahawan, ILTIZAM bekerjasama dengan The Entrepreneurs Edge (TEE) dan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan (CEDAR) pada 2016. TEE merupakan kolaborasi antara Radio BFM 89.9 dan The Edge Publications yang menyediakan platform untuk menyokong usahawan tempatan dengan memberikan akses kepada pengalaman luas mentor mereka melalui program khusus perundingan dan bimbingan mentor selama 12 bulan. Melalui TEE, ILTIZAM kini menaja tiga usahawan Bumiputera iaitu Vanity Cosmeceutical Sdn Bhd, sebuah syarikat peruncitan kecantikan di bawah jenama 'Cosmoderm'; Terato Tech Sdn Bhd, salah satu perintis dalam bidang pembangunan perisian; dan Madcat World, syarikat pembangunan aplikasi mudah alih.

Sementara itu, CEDAR, sebuah anak syarikat milik penuh SME Bank, menawarkan program latihan bimbingan selama enam bulan di bawah Transformasi Perniagaan (BTP) yang direka strategik dengan objektif teras seperti menyelaras, melatih, membimbing perniagaan dan memantau perusahaan kecil dan sederhana yang dipilih untuk menjadikan ia satu perniagaan yang mampan dan berdaya saing. Di dalam program BTP CEDAR, ILTIZAM menaja tiga syarikat Bumiputera iaitu iKids Education Sdn Bhd, sebuah perniagaan pra-sekolah antarabangsa; Scubatex Resources Sdn Bhd, agensi menyelam dan penderang peralatan menyelam skuba antarabangsa; dan TJE Group (M) Sdn Bhd, syarikat yang terlibat dalam urus niaga membekalkan produk perikanan.

Hasil keputusan yang dijangka bagi kedua-dua program ini adalah keupayaan syarikat untuk meningkatkan keuntungan dan kemampuan perniagaan serta menjamin dan mengekalkan pelanggan masing-masing. Selain itu, kami juga berharap supaya syarikat-syarikat ini akan seterusnya menjadi sebahagian daripada program EMP kami.

# ILTIZAM untuk Pendidikan



## Meningkatkan peluang untuk masa depan yang lebih baik



Objektif kedua ILTIZAM adalah untuk memberi impak secara langsung kepada masyarakat Bumiputera dengan membantu merealisasikan potensi mereka. Pendidikan juga merupakan satu keutamaan bagi ILTIZAM kerana ia bersandarkan keperluan untuk kebaikan awam dan amat penting dalam mewujudkan masyarakat yang terangkum serta sebagai alat untuk memajukan diri dan membantu individu keluar daripada kancah kemiskinan. Pendidikan juga merupakan nadi bagi ekonomi berasaskan pengetahuan, di mana ia merupakan objektif pembangunan negara yang dikenal pasti oleh Kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan meningkatkan daya saing antarabangsa negara yang diperlukan bagi mencapai Wawasan 2020 dan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

### Program Perkembangan Pendidikan

**RM2.9**  
juta  
pada 2016

**RM600,000**  
diperuntukkan  
kepada program  
biasiswa Yayasan  
Peneraju  
Pendidikan  
Bumiputera (YPPB)

Menyalurkan  
**RM2.3** juta  
kepada dana  
Pendidikan ILMU

Program Perkembangan Pendidikan ILTIZAM menyalurkan sejumlah RM2.9 juta pada tahun 2016 untuk membantu kira-kira 585 pelajar dari keluarga berpendapatan rendah. Daripada jumlah tersebut, RM600,000 telah diperuntukkan kepada program biasiswa Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB). Ini membolehkan 15 pelajar yang berkelayakan melanjutkan pelajaran mereka di institusi pendidikan di bawah ILMU Education Group (ILMU).

Kami menyokong misi YPPB untuk membangunkan bakat Bumiputera muda yang boleh menyumbang kepada masyarakat dan cita-cita negara sejak empat tahun yang lalu. Ini menjadikan jumlah sumbangan kami kepada program biasiswa Peneraju Tunas Potensi YPPB sebanyak RM1.6 juta, yang telah membolehkan 115 pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

Pada tahun ini, ILTIZAM turut menyalurkan RM2.3 juta kepada Dana Pendidikan ILMU untuk memberi bantuan kewangan dan penajaan kepada pelajar dari latar belakang kurang bernasib baik yang sedang belajar di institusi di bawah ILMU iaitu Kuala Lumpur Metropolitan University College, Kolej Cosmopoint dan UNITAR International University. Ciri utama program ini adalah tertumpu kepada penyediaan peluang kepada pelajar berprestasi tinggi dan 'pelajar sederhana' yang berkelayakan dari keluarga berpendapatan rendah untuk mendapatkan pengajian tinggi.

Semua permohonan ditapis dan melibatkan semakan terperinci untuk memastikan pemohon memenuhi kriteria yang ditetapkan. Hasil daripada pendekatan ini, ILMU benar-benar mencerminkan kepelbagaian warisan budaya di Malaysia dan kampus ILMU menjadi kediaman pelbagai kumpulan pelajar dari negeri yang berbeza serta kumpulan etnik dan latar belakang sosial yang pelbagai.

Pada tahun 2017, ILTIZAM merancang untuk terus membantu pelajar yang mencapai keputusan cemerlang, pelajar yang berpotensi tinggi tetapi berhadapan masalah kewangan, dan pelajar yang mempunyai semangat dan keupayaan tetapi tidak memenuhi kelayakan untuk program biasiswa yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat swasta atau entiti kerajaan yang lain.





## ILTIZAM untuk Pendidikan

### Program Pembangunan dan Latihan Marin Minyak dan Gas

# RM500,000

diperuntukkan untuk Kadet/Pegawai  
Minyak dan Gas

Untuk 2016

6 kakitangan

dari ICON

4 kakitangan

dari Orkim

### Meningkatkan kemahiran bakat Malaysia dalam industri maritim

Pada tahun 2016, muncul peluang untuk memberi impak secara langsung kepada portfolio minyak dan gas kami dengan meningkatkan bilangan pegawai kanan Malaysia dalam industri maritim. Ini berlaku selepas syarikat-syarikat portfolio Ekuinas, Icon Offshore Bhd (ICON) dan Orkim Sdn Bhd (Orkim) menyatakan keperluan menyediakan lebih ramai pegawai kanan untuk mengendalikan kapal-kapal mereka bagi memenuhi syarat pelanggan mereka iaitu supaya kumpulan anak-anak kapal terdiri daripada kakitangan dengan tahap kekananan tertentu.

Justeru, bagi menyokong syarikat-syarikat kami, satu Program Kadet Minyak & Gas telah dibangunkan di mana kakitangan yang berkelayakan ditaja untuk menjalani latihan sepenuh masa di Akademi Laut Malaysia (ALAM). Lazimnya, jawatan pegawai kanan jarang disandang oleh rakyat Malaysia kerana pegawai muda sering berhadapan dengan kekangan kewangan untuk membiayai latihan itu secara peribadi.

Program ini menerima peruntukan sebanyak RM500,000 pada tahun 2016. Peruntukan tersebut telah digunakan untuk menaja enam pekerja dari ICON dan empat pekerja dari Orkim yang mempunyai pengalaman berkaitan untuk menjadi peserta program kadet yang julung kali diadakan. Tempoh program ini lazimnya berlangsung antara sembilan hingga 12 bulan.



### Membantu siswazah muda mencapai cita-cita mereka

Program Pembangunan Profesional ILTIZAM (PDP ILTIZAM) memberi tumpuan kepada siswazah daripada keluarga berpendapatan rendah, kebanyakannya dari kawasan luar bandar, yang telah menganggur lebih daripada enam bulan dan tidak menjadi peserta bagi mana-mana program latihan pengurusan. Dalam program ini, mereka diberi peluang untuk belajar dan membangunkan kemahiran profesional dengan cara yang berstruktur dan profesional semasa bekerja untuk Ekuinas, syarikat-syarikat portfolio syarikat dan syarikat rakan kongsi.

Bersama-sama syarikat-syarikat luar, program ini membolehkan kami meluaskan capaian kami dan menerima lebih ramai pelatih bagi tahun 2016. Perkembangan para pelatih dipantau rapi bagi memastikan mereka mendapat manfaat dari pengalaman bekerja mereka dan membangunkan kemahiran yang diperlukan sebagai seorang profesional.

Program ini juga bertujuan untuk membina kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan pelatih melalui penglibatan dalam kelab buku dan kelas drama. Sesi latihan dan bimbingan diadakan untuk menanam sikap dan penetapan minda yang sesuai sebagai seorang pekerja. Mereka turut mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti membina semangat berpasukan dan bertanggungjawab atas projek-projek khas.

Pengalaman bekerja dalam program ini memberikan perspektif praktikal mengenai dunia pekerjaan dan dapat memberi inspirasi serta melengkapkan pelatih dengan kemahiran teras yang diperlukan di tempat kerja. Kami berharap mereka akan memperoleh pengetahuan dan kebolehan yang diperlukan untuk memiliki satu kerjaya jangka panjang yang memuaskan dalam dunia korporat selepas melalui program selama satu tahun ini.

Kejayaan program ini diukur dengan tawaran pekerjaan yang diterima oleh para pelatih kami. Sehingga kini, program yang bermula pada tahun 2012 ini mempunyai kadar kejayaan sebanyak 90%. Pada tahun 2016, 75 siswazah yang menyertai program ini telah ditempatkan di Ekuinas, syarikat-syarikat portfolio dan syarikat-syarikat rakan kongsi kami seperti Fatihah Frozen Sdn Bhd, KAF Investment Fund, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, Habib Jewels dan Kumpulan Perangsang Selangor.

Kami amat berpuas hati dengan maklum balas positif yang diterima mengenai PDP ILTIZAM. Ini dapat dilihat dengan peningkatan dalam bilangan permohonan dari kalangan siswazah sejak ia ditubuhkan. Kumpulan pelatih pada kali ini menerima sejumlah 3,000 permohonan berbanding 1,500 pada tahun 2015. 120 pemohon telah disenarai pendek dan akhirnya 75 siswazah telah dipilih untuk menyertai program ini.

Bagi 2017, kami menjangka akan menerima 75 pelatih baru bagi kumpulan lantikan tahun 2017/2018.


### Program Pembangunan Profesional

Dimulakan pada 2012 dan mempunyai

# 90%

kadar kejayaan

Bilangan graduan yang ditawarkan menyertai program



# ILTIZAM untuk Komuniti



## Mengubah komuniti di mana kita menetap dan bekerja secara positif



Kami mendapati dalam memastikan kemakmuran dan kejayaan perniagaan Malaysia kekal untuk jangka masa panjang, komuniti di mana kami beroperasi juga harus mengalami perkara yang sama. Program Komuniti Lestari ILTIZAM membantu mereka dari latar belakang yang kurang bernasib baik meningkatkan kualiti hidup mereka. Peruntukan kecil juga disalurkan untuk menggalakkan dan mengekalkan seni, budaya dan warisan



Satu projek yang sedang dilaksanakan dalam program ini ialah projek Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (Asli) (SKBL). Pelajar-pelajar sekolah yang terletak dua kilometer dari pejabat Ekuinas ini kebanyakannya adalah kumpulan Bumiputera dari suku kaum Temuan.

ILTIZAM mula menyumbang kepada SKBL pada tahun 2013 dengan menaja kelas tuisyen untuk pelajar dan menaik taraf perpustakaan sekolah mereka. Objektif inisiatif ini adalah untuk meningkatkan bilangan murid yang lulus dan mencapai 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah Kebangsaan (UPSR). Pada tahun 2015, sekolah ini mencatat sejarah dengan kejayaan pelajar pertama mencapai keputusan 5A. Skor agregat bagi para pelajar sekolah ini juga bertambah baik dan ini mendorong keinginan kami untuk terus menyumbang kepada SKBL dan pelajar-pelajarnya. Pada 2016, Gred Kumulatif sekolah bertambah baik dan menyaksikan peningkatan dalam bilangan murid lulus mata pelajaran Bahasa Malaysia (94%) dan Sains (88.5%). (2016: Bahasa Malaysia (90%), Sains (40%)).

Bagi memformalkan komitmen kami kepada SKBL dan meningkatkan impak sokongan yang diberikan, kami bekerjasama dengan Yayasan PINTAR Khazanah Nasional Bhd (PINTAR) untuk secara rasminya menjadikan SKBL sebagai 'sekolah angkat' pada 2016. PINTAR adalah singkatan untuk menggalakkan kecerdasan, memupuk bakat dan menyokong sikap bertanggungjawab.

Kerjasama dengan PINTAR membolehkan kami menggunakan rangka kerja modular mereka untuk memajukan guru-guru dan pelajar secara holistik. Kami juga ingin memanfaatkan kepakaran, pengalaman, rangkaian dan sumber PINTAR untuk meningkatkan standard keseluruhan SKBL dan kemahiran mengajar dalam kalangan guru melalui penilaian dan pemantauan prestasi sekolah. Kami turut bekerjasama rapat dengan PINTAR untuk memanfaatkan rangkaian mereka di Kementerian Pendidikan dan mengambil bahagian dalam acara-acara yang dijalankan oleh PINTAR sebagai pendedahan kepada murid-murid SKBL.



## ILTIZAM untuk Komuniti

Kami akan terus menyediakan kelas tuisyen dalam subjek Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Matematik untuk murid-murid bermula dari darjah empat hingga darjah enam. Pada bulan Oktober 2016, kami telah menganjurkan lawatan pendidikan sekolah dengan membawa mereka untuk pertama kalinya menaiki LRT ke Petrosains dan Skybridge Menara Berkembar Petronas. Ia memberikan mereka pengalaman berharga dan pendedahan yang menarik kepada bidang Sains dan Teknologi menerusi lawatan berkonsepkan pengembaraan.

Pelbagai inisiatif juga telah dijalankan pada bulan Ramadhan. Ini termasuk menyalurkan sumbangan wang tunai dan mengadakan sambutan berbuka puasa untuk keluarga miskin di Perlis, murid-murid sekolah SKBL dan kanak-kanak yang menetap di Rumah Kasih Pertiwi. Makanan juga diagihkan kepada pelajar yang kurang bernasib baik di UNITAR International University, Kuala Lumpur Metropolitan University College, Kolej Cosmopoint, dan kepada orang ramai melalui Yayasan Al-Khalifah untuk Dakwah Jalan 2016. Selain itu, sumbangan wang tunai turut diberikan kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang dipilih.

Selain inisiatif pada bulan Ramadhan 2016, kami membiayai program kembali ke sekolah untuk 821 pelajar miskin di seluruh Malaysia dan 40 orang anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Nur Kasih di Klang. Kami juga bekerjasama dengan sebuah syarikat perusahaan sosial, SURI untuk memaksimumkan impak inisiatif ini. Ibu tunggal yang bekerja untuk SURI menghasilkan beg-beg sekolah yang kemudiannya diagihkan kepada 100 pelajar kurang bernasib baik.

### Program Komuniti Lestari

Memberi dana untuk program Kembali ke Sekolah kepada

**821**

pelajar kurang berkemampuan dari seluruh Malaysia dan

**40 anak-anak yatim**

dari Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Nur Kasih

Antara sumbangan lain kepada masyarakat yang kurang bernasib baik termasuk:

- 1) Katil hospital dan troli mandi bagi warga emas di Rumah Ehsan Warga Emas di Kuala Kubu Bharu;
- 2) Alat bantuan pendengaran kepada pesakit yang mengalami masalah pendengaran melalui Pertubuhan Membantu Pesakit Parah Miskin dan;
- 3) Barangan asas seperti alatan dapur, peralatan muzik dan IT untuk Program Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Kebangsaan Klang, yang akan digunakan oleh pelajar-pelajar buta sebagai sebahagian daripada program latihan mereka untuk memperoleh kemahiran hidup yang diperlukan.

Bagi bidang Seni dan Kebudayaan, kami menyokong satu produksi bertajuk Seven Kingdoms yang dihasilkan oleh Tunas Tari Production. Tiga murid dari sekolah angkat kami, SKBL, mengambil bahagian dalam persembahan ini dan kami juga menaja makanan kepada ahli persembahan, kru dan sukarelawan, serta membeli tiket persembahan secara pukal.

Kami berharap inisiatif yang dilaksanakan dalam tahun tinjauan telah memberi impak yang bermakna kepada kumpulan penerima program dan juga komuniti di mana mereka. Kami berharap untuk mendekati lebih ramai masyarakat untuk mengembangkan lagi capaian dan memperluaskan impak ILTIZAM ke seluruh negara.

### Mewujudkan kesan limpahan yang positif bagi aktiviti CSR kami



ILTIZAM bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti di mana kami menerap dan bekerja dengan mencari peluang untuk mencipta impak terbesar yang dapat dilaksanakan dengan setiap ringgit yang dibelanjakan. Sebahagian daripada strategi CSR kami adalah untuk mencari jalan bagi mewujudkan sebanyak mungkin nilai dalam kalangan masyarakat dan ini memerlukan pelbagai pendekatan dalam melaksanakan segala aktiviti kami.

# Sorotan 2016



Keusahawan ♦ Pendidikan ♦ Komuniti

## KEUSAHAWANAN

### Program Mentor Keusahawanan

Peruntukan sebanyak

**RM500,000**

#### 2 Syarikat Bumiputera

- **Proquaz Sdn Bhd**, sebuah pusat perkembangan kanak-kanak berlandaskan-Islam di bawah jenama 'CIC'. bekerjasama dengan PricewaterhouseCoopers (PwC) untuk melaksanakan kajian keberkesanan fungsi kewangan untuk CIC dan telah membantu CIC **menambah baik proses kewangan dan pembayaran dengan melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP)**.
- **Biz Connexion Sdn Bhd**, sebuah syarikat penjenamaan majikan di bawah jenama 'Graduan'. Ekuinas membantu melalui pemasangan sistem IT yang boleh menampung pengembangan pangkalan data Graduan.

Bantuan dan pemantauan berterusan terhadap syarikat sedia ada,

#### **Fatihah Frozen Food**

dalam membangunkan model operasi yang mampan.

Kerjasama dengan **The Entrepreneurs Edge (TEE) dan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan (CEDAR)**

untuk mendekati dan membantu usahawan Bumiputera

## PENDIDIKAN

### Program Perkembangan Pendidikan

Peruntukan sebanyak

**RM5,400,000**

#### • Program Perkembangan Pendidikan

Memberi manfaat kepada lebih kurang **585 pelajar** dengan jumlah a total of

**RM600,000**

untuk **Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera**

**RM500,000**

#### Program Kadet Minyak & Gas

Memulakan program untuk kadet di dalam industri minyak & gas

#### • Program Pembangunan Profesional

**3,000**

permohonan

diterima untuk Program Pembangunan Profesionalambilan 2016/2017 yang mana

**75**

telah dipilih dan sedang menjalani latihan.

## KOMUNITI

### Program Komuniti Lestari

Peruntukan sebanyak

**RM200,000**

Pengagihan makanan kepada

**2,000**

**pelajar kurang bernasib baik**

melalui UNITAR International University (UNITAR), Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan kolej-kolej Cosmopoint seluruh Malaysia.

Memulakan program

**kembali ke sekolah**

yang memberi manfaat kepada

**821**

**pelajar kurang berkemampuan**

di Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak

**40 anak-anak yatim**

dari **Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Nur Kasih**

# Skim Jejak Jaya Bumiputera

Setakat 31 Disember 2016, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB), sebuah program yang dikendalikan bersama Ekuinas dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), mempunyai 27 buah syarikat yang telah dinilai dan didaftarkan di dalam program.

Pada tahun 2016, SJJB membantu dalam inisiatif pelaksanaan lima Pelan Penciptaan Nilai (VCP) untuk syarikat-syarikat SJJB sedia ada yang membawa kepada peningkatan modal pasaran untuk tiga syarikat SJJB yang tersenarai sebanyak RM180.0 juta. Salah satu daripada VCP yang telah dilaksanakan pada 2016 memberi impak kepada penyenaraian salah satu daripada syarikat SJJB pada Februari 2017.

Secara keseluruhan, modal pasaran syarikat-syarikat SJJB yang tersenarai telah meningkat sebanyak RM2.2 bilion sejak Tawaran Awam Awal (IPO) syarikat masing-masing.

# Laporan Portofolio

*Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016*



---

132	Ekuias Direct (Tranche I) Fund
135	Ekuias Direct (Tranche II) Fund
138	Ekuias Direct (Tranche III) Fund
141	Ekuias Outsourced (Tranche I) Fund
144	Ekuias Outsourced (Tranche II) Fund
147	Nota Laporan Portfolio

# Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

Pada 31 Disember 2016

## 1 TINJAUAN DANA

<b>Nama Dana</b>	<b>Ekuinas Direct (Tranche I) Fund</b>
<b>Tahun Pemulahan</b>	2010
<b>Status</b>	Dilaburkan sepenuhnya & 20% telah diagihkan
<b>Modal Terikat</b>	RM1.0 bilion
<b>Tempoh</b>	5 tahun + 2 tahun + 1 tahun
<b>Tempoh Pelaburan</b>	3 hingga 5 tahun
<b>Bentuk &amp; Struktur Rasmi</b>	Satu pengurus dana dan satu pelabur  Dana: Ekuinas Direct (Tranche I) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
<b>Tumpuan Geografi</b>	Malaysia
<b>Tumpuan Pelaburan</b>	<i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan
<b>Tumpuan Industri</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendidikan</li> <li>- Minyak &amp; Gas</li> <li>- Barangan Pengguna Laris (FMCG)</li> <li>- Peruncitan &amp; Percutian</li> <li>- Penjagaan Kesihatan</li> <li>- Perkhidmatan</li> </ul>

## 2 NILAI ASET BERSIH (NAB) PADA 31 DISEMBER 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>1,000.0</b>	-	<b>1,000.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>1,112.8</b>	<b>12.6</b>	<b>1,125.4</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	<b>168.0</b>	-	<b>168.0</b>
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>1,280.8</b>	<b>12.6</b>	<b>1,293.4</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	<b>37.3</b>	<b>(37.3)</b>	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>1,318.1</b>	<b>(24.7)</b>	<b>1,293.4</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	62.6	(26.8)	35.8
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	256.5	(114.6)	141.9
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	289.9	16.9	306.8
Perbelanjaan Faedah	(17.7)	(0.4)	(18.1)
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>591.3</b>	<b>(124.9)</b>	<b>466.4</b>
Perbelanjaan Organisasi	(232.4)	(12.2)	(244.6)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad*	(878.5)	-	(878.5)
<b>Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(519.6)</b>	<b>(137.1)</b>	<b>(656.7)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>798.5</b>	<b>(161.8)</b>	<b>636.7</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	706.9	(59.9)	647.0
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	256.5	(114.6)	141.9
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>963.4</b>	<b>(174.5)</b>	<b>788.9</b>
Tambah: Baki Tunai	6.0	(2.2)	3.8
Tambah: Baki Kerja	(170.9)	14.9	(156.0)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>798.5</b>	<b>(161.8)</b>	<b>636.7</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>798.5</b>	<b>(161.8)</b>	<b>636.7</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	<b>710.5</b>	-	<b>710.5</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>1,509.0</b>	<b>(161.8)</b>	<b>1,347.2</b>
<b>Bayaran Balik Modal</b>	<b>76.2</b>		<b>76.2</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>14.8%</b>		<b>13.1%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>10.9%</b>		<b>9.4%</b>
<b>Pembahagian Keuntungan (RM juta)</b>	<b>89.7</b>		<b>82.7</b>
<b>H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil</b>	<b>0.6</b>		<b>0.6</b>
<b>G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil</b>	<b>0.7</b>		<b>0.6</b>
<b>(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil</b>	<b>1.4</b>		<b>1.2</b>
<b>B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat</b>	<b>1.1</b>		<b>1.1</b>

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

## Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

Pada 31 Disember 2016

## 3 PRESTASI PELABURAN

## (a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2016

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Nilai Saksama RM juta	Keuntungan Kasar Portfolio RM juta
APIIT Education Group	18 Februari 2011	51.0	102.0		
Cosmopoint Group	2 April 2012	90.0	246.0		
UNITAR International University	21 Mei 2012	90.0	58.5	788.9	159.6
Revenue Valley Group	15 Mac 2012	85.8	64.6		
Icon Offshore Berhad	19 November 2012	32.7	175.9		
			647.0		

IRR Kasar 13.1% setahun

IRR Bersih 9.4% setahun

IRR Kasar diperoleh selepas perbelanjaan faedah.

IRR Bersih diperoleh selepas fi pengurusan dan perbelanjaan operasi yang lain.

## (b) Ringkasan Realisasi pada 31 Disember 2017

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Jumlah Realisasi RM juta
<b>Terealisasi Sepenuhnya</b>				
Tanjung Offshore Berhad*	14 November 2012	24.0	99.8	62.0
Konsortium Logistik Berhad	19 Disember 2012	61.6	241.0	347.4
Burger King Malaysia	18 Ogos 2015	74.1	68.2	30.4
Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	28 Mac 2016	90.0	20.0	15.0
Alliance Cosmetics Group	1 Ogos 2016	20.0	39.9	61.8
<b>Separa Terealisasi</b>				
Icon Offshore Berhad	25 Jun 2014	38.0	132.3	391.4

\* Pelupusan pelaburan dalam Tanjung Offshore Berhad adalah sebahagian daripada aktiviti penstrukturan semula portfolio minyak & gas Ekuinas apabila ia melabur semua hasil sebagai pelaburan tambahan dalam Icon Offshore Berhad.



# Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

Pada 31 Disember 2016

## 1 TINJAUAN DANA

<b>Nama Dana</b>	<b>Ekuinas Direct (Tranche II) Fund</b>
<b>Tahun Pemulahan</b>	2012
<b>Status</b>	Dikomitedkan sepenuhnya
<b>Modal Terikat</b>	RM1.0 bilion
<b>Tempoh</b>	5 tahun + 2 tahun
<b>Tempoh Pelaburan</b>	3 hingga 5 tahun
<b>Bentuk &amp; Struktur Rasmi</b>	Satu pengurus dana dan satu pelabur  Dana: Ekuinas Direct (Tranche II) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
<b>Tumpuan Geografi</b>	Malaysia
<b>Tumpuan Pelaburan</b>	<i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan
<b>Tumpuan Industri</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendidikan</li> <li>- Minyak &amp; Gas</li> <li>- Barangan Pengguna Laris (FMCG)</li> <li>- Peruncitan &amp; Percutian</li> <li>- Penjagaan Kesihatan</li> <li>- Perkhidmatan</li> </ul>

## Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

Pada 31 Disember 2016

## 2 NILAI ASET BERSIH (NAB) PADA 31 DISEMBER 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>1,000.0</b>	-	<b>1,000.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>892.8</b>	<b>132.7</b>	<b>1,025.5</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	<b>4.8</b>	-	<b>4.8</b>
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>897.6</b>	<b>132.7</b>	<b>1,030.3</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	<b>105.0</b>	<b>(5.0)</b>	<b>100.0</b>
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>1,002.6</b>	<b>127.7</b>	<b>1,130.3</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	3.1	6.9	10.0
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	106.2	188.7	294.9
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	26.6	1.0	27.6
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	(2.6)	1.7	(0.9)
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>133.3</b>	<b>198.3</b>	<b>331.6</b>
Perbelanjaan Organisasi	(78.7)	(48.5)	(127.2)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad*	(102.6)	-	(102.6)
<b>Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(48.0)</b>	<b>149.8</b>	<b>101.8</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>954.6</b>	<b>277.5</b>	<b>1,232.1</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	707.6	79.2	786.8
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	106.2	188.7	294.9
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>813.8</b>	<b>267.9</b>	<b>1,081.7</b>
Tambah: Baki Tunai	6.3	6.7	13.0
Tambah: Baki Kerja	116.4	6.6	123.0
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	18.1	(3.7)	14.4
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>954.6</b>	<b>277.5</b>	<b>1,232.1</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>954.6</b>	<b>277.5</b>	<b>1,232.1</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	<b>97.8</b>	-	<b>97.8</b>
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>1,052.4</b>	<b>277.5</b>	<b>1,329.9</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>13.0%</b>		<b>18.1%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>5.7%</b>		<b>12.7%</b>
<b>Pembahagian Keuntungan (RM juta)</b>	<b>14.3</b>		<b>49.7</b>
<b>H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil</b>	<b>0.1</b>		<b>0.1</b>
<b>G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil</b>	<b>1.1</b>		<b>1.2</b>
<b>(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil</b>	<b>1.2</b>		<b>1.3</b>
<b>B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat</b>	<b>0.9</b>		<b>1.0</b>

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

## 3 PRESTASI PELABURAN

## (a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2016

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Nilai Saksama RM juta	Keuntungan Kasar Portfolio RM juta
Icon Offshore Berhad	19 November 2012	9.6	156.1		
Primabaguz Sdn Bhd	27 November 2013	100.0	40.0		
Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd	20 Disember 2013	45.9	20.3		
Revenue Valley Group	27 Jun 2014	-	10.0	1,081.7	304.0
Coolblog Sdn Bhd	24 Julai 2014	60.0	45.8		
Orkim Sdn Bhd	18 Disember 2014	95.5	391.8		
Tenby Educare Sdn Bhd	19 Mac 2015	70.0	70.0		
Tranglo Sdn Bhd	31 Mac 2015	60.0	52.8		
<b>Jumlah</b>			786.8		

IRR Kasar 18.1% setahun

IRR Bersih 12.7% setahun

IRR Kasar diperoleh selepas perbelanjaan faedah.

IRR Bersih diperoleh selepas fi pengurusan dan perbelanjaan operasi yang lain.

## (b) Ringkasan Realisasi pada 31 Disember 2016

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Jumlah Realisasi RM juta
<b>Terealisasi Sepenuhnya</b>				
Burger King Singapore	18 Ogos 2015	100.0	47.2	23.9
Burger King Malaysia	18 Ogos 2015	100.0	52.6	25.1
Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	28 Mac 2016	-	5.0	6.0
<b>Separa Terealisasi</b>				
Icon Offshore Berhad	25 Jun 2014	7.8	76.6	154.0

# Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

Pada 31 Disember 2016

## 1 TINJAUNAN DANA

<b>Nama Dana</b>	<b>Ekuinas Direct (Tranche III) Fund</b>
<b>Tahun Pemulahan</b>	2014
<b>Status</b>	Sedang Dilaburkan
<b>Modal Terikat</b>	RM1.5 bilion
<b>Tempoh</b>	5 tahun + 2 tahun
<b>Tempoh Pelaburan</b>	3 ke 5 tahun
<b>Bentuk &amp; Struktur Rasmi</b>	Satu pengurus dana dan satu pelabur  Dana: Ekuinas Direct (Tranche III) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
<b>Tumpuan Geografi</b>	Malaysia
<b>Tumpuan Pelaburan</b>	<i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan
<b>Tumpuan Industri</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendidikan</li> <li>- Minyak &amp; Gas</li> <li>- Barangan Pengguna Laris (FMCG)</li> <li>- Peruncitan &amp; Percutian</li> <li>- Penjagaan Kesihatan</li> <li>- Perkhidmatan</li> </ul>



## 2 NILAI ASET BERSIH (NAB) PADA 31 DISEMBER 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>1,500.0</b>	-	<b>1,500.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>121.9</b>	<b>232.5</b>	<b>354.4</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	-	-	-
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>121.9</b>	<b>232.5</b>	<b>354.4</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>121.9</b>	<b>232.5</b>	<b>354.4</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	19.8	19.8
Kerugian Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	-	(37.2)	(37.2)
Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	-	-	-
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	-	<b>(17.4)</b>	<b>(17.4)</b>
Perbelanjaan Organisasi	(33.3)	(28.2)	(61.5)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad*	-	-	-
<b>Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(33.3)</b>	<b>(45.6)</b>	<b>(78.9)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>88.6</b>	<b>186.9</b>	<b>275.5</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	88.6	204.3	292.9
Kerugian Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	-	(37.2)	(37.2)
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>88.6</b>	<b>167.1</b>	<b>255.7</b>
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Baki Kerja	(0.0)	19.8	19.8
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>88.6</b>	<b>186.9</b>	<b>275.5</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>88.6</b>	<b>186.9</b>	<b>275.5</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	-	-	-
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>88.6</b>	-	<b>275.5</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>N/M</b>		<b>N/M</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>N/M</b>		<b>N/M</b>
<b>Pembahagian Keuntungan (RM juta)</b>	-		-
<b>H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil</b>	-		-
<b>G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil</b>	<b>0.7</b>		<b>0.8</b>
<b>(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil</b>	<b>0.7</b>		<b>0.8</b>
<b>B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat</b>	<b>0.1</b>		<b>0.2</b>

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

## Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

Pada 31 Disember 2016

### 3 PRESTASI PELABURAN

#### (a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2016

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Nilai Saksama RM juta	Keuntungan Kasar Portfolio RM juta
PMCare Sdn Bhd	29 Disember 2015	60.0	16.8		
MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd	29 Disember 2015	60.0	58.8		
Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd	22 Julai 2016	35.0	67.3	-	-
ILMU Education Group	15 Disember 2015	25.4	150.0		
<b>Total</b>			292.9		

IRR Kasar N/M

IRR Bersih N/M

Prestasi kewangan Ekuinas Direct (Tranche III) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

# Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

Pada 31 Disember 2016

## 1 TINJAUAN DANA

<b>Nama Dana</b>	<b>Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund</b>
<b>Tahun Pemulahan</b>	2011
<b>Status</b>	Sedang Dilaburkan
<b>Modal Terikat</b>	RM400.0 juta
<b>Tempoh</b>	6 tahun + 1 tahun
<b>Tempoh Pelaburan</b>	3 hingga 6 tahun
<b>Bentuk &amp; Struktur Rasmi</b>	<p>Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Disumber luar kepada dana dan pengurus dana berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd Domisil Dana: Cayman Islands</li> <li>2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd Domisil Dana: Labuan</li> <li>3) Dana: TAP Harimau Fund L.P Pengurus Dana: TAP (Malaysia) Ltd Domisil Dana: Labuan</li> </ol>
<b>Tumpuan Geografi</b>	Malaysia
<b>Tumpuan Pelaburan</b>	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
<b>Tumpuan Industri</b>	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

## Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

Pada 31 Disember 2016

## 2 NILAI ASET BERSIH (NAB) PADA 31 DISEMBER 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>400.0</b>	-	<b>400.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>302.4</b>	<b>3.3</b>	<b>305.7</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	<b>15.1</b>	<b>8.7</b>	<b>23.8</b>
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>317.5</b>	<b>12.0</b>	<b>329.5</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>317.5</b>	<b>12.0</b>	<b>329.5</b>
<b>Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	38.9	83.6	122.5
Kerugian Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	(1.8)	-	(1.8)
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>37.1</b>	<b>83.6</b>	<b>120.7</b>
Perbelanjaan Organisasi	(10.0)	(7.5)	(17.5)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad*	(15.1)	(8.7)	(23.8)
<b>Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>12.0</b>	<b>67.4</b>	<b>79.4</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>329.5</b>	<b>79.4</b>	<b>408.9</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	290.6	(50.2)	240.4
Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	38.9	83.6	122.5
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>329.5</b>	<b>33.4</b>	<b>362.9</b>
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Baki Kerja	-	46.0	46.0
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>329.5</b>	<b>79.4</b>	<b>408.9</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>329.5</b>	<b>79.4</b>	<b>408.9</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	-	-	-
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>329.5</b>	<b>79.4</b>	<b>408.9</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>6.3%</b>		<b>9.8%</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>5.0%</b>		<b>8.7%</b>
<b>Pembahagian Keuntungan (RM juta)</b>	-		<b>5.7</b>
<b>H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil</b>	-		-
<b>G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil</b>	<b>1.1</b>		<b>1.3</b>
<b>(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil</b>	<b>1.1</b>		<b>1.3</b>
<b>B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat</b>	<b>0.8</b>		<b>0.8</b>

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.



## 3 PRESTASI PELABURAN

## Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2016

Syarikat	Komitmen Ekuinas RM juta	Komitmen Modal Persendirian RM juta	Jumlah Saiz Pelaburan RM juta	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Pelaburan dari pihak lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.	400.0	151.9	551.9	240.4	170.7	408.9
CIMB National Equity Fund Ltd. P.						
TAP Harimau Fund L.P.						

IRR Kasar 9.8% setahun

IRR Bersih 8.7% setahun

# Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

Pada 31 Disember 2016

## 1 TINJAUAN DANA

<b>Nama Dana</b>	<b>Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund</b>
<b>Tahun Pemulahan</b>	2013
<b>Status</b>	Sedang Dilaburkan
<b>Modal Terikat</b>	RM240.0 juta*
<b>Tempoh</b>	7 tahun + 1 tahun
<b>Tempoh Pelaburan</b>	3 hingga 7 tahun
<b>Bentuk &amp; Struktur Rasmi</b>	<p>Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur.*          Disumber luar kepada dana dan pengurus dana berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Dana: RMCP One Sdn Bhd              Pengurus Dana: RMCP Cayman Ltd              Domisil Dana: Malaysia</li> <li>2) Dana: COPE Opportunities 3 Sdn Bhd              Pengurus Dana: CMS Opus Private Equity Sdn Bhd              Domisil Dana: Malaysia</li> <li>3) Dana: Tael Tijari (OFM) L.P.              Pengurus Dana: TAEL Tijari Partners Ltd.              Domisil Dana: Cayman Islands</li> </ol>
<b>Tumpuan Geografi</b>	Malaysia
<b>Tumpuan Pelaburan</b>	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
<b>Tumpuan Industri</b>	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

\* *Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada 2015.*

## 2 NILAI ASET BERSIH (NAB) PADA 31 DISEMBER 2016

	2015 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2016 RM juta
<b>A. Modal Diperuntukkan</b>	<b>240.0</b>	-	<b>240.0</b>
<b>B. Modal Dipanggil</b>	<b>51.9</b>	<b>31.4</b>	<b>83.3</b>
<b>C. Modal Dilabur Semula</b>	-	-	-
<b>D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)</b>	<b>51.9</b>	<b>31.4</b>	<b>83.3</b>
<b>E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)</b>	-	-	-
<b>F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)</b>	<b>51.9</b>	<b>31.4</b>	<b>83.3</b>
<b>Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:</b>			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(15.0)	4.9	(10.1)
Kerugian Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	-	(2.3)	(2.3)
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	-	-	-
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>(15.0)</b>	<b>2.6</b>	<b>(12.4)</b>
Perbelanjaan Organisasi	(3.6)	(0.7)	(4.3)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad*	-	-	-
<b>Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih</b>	<b>(18.6)</b>	<b>1.9</b>	<b>(16.7)</b>
<b>G. Nilai Aset Bersih</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
<b>Nilai Aset Bersih terdiri daripada:</b>			
Pelaburan - pada kos	48.3	28.4	76.7
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(15.0)	4.9	(10.1)
<b>Pelaburan pada Nilai Saksama</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Baki Kerja	-	-	-
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
<b>H. Modal Diagihkan</b>	-	-	-
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)</b>	<b>33.3</b>	<b>33.3</b>	<b>66.6</b>
<b>IRR Kasar Tahunan</b>	<b>N/M</b>		<b>N/M</b>
<b>IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)</b>	<b>N/M</b>		<b>N/M</b>
<b>Pembahagian Keuntungan (RM juta)</b>	-		-
<b>H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil</b>	-		-
<b>G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil</b>	<b>0.6</b>		<b>0.8</b>
<b>(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil</b>	<b>0.6</b>		<b>0.8</b>
<b>B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat</b>	<b>0.2</b>		<b>0.3</b>

\* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

## Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

Pada 31 Disember 2016

### 3 PRESTASI PELABURAN

#### Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2016

Syarikat	Komitmen Ekuinas RM juta	Komitmen Modal Persendirian RM juta	Jumlah Saiz Pelaburan RM juta	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Pelaburan dari pihak lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
RMCP One Sdn Bhd						
COPE Opportunities 3 Sdn Bhd	180.0	110.1	290.1	76.7	47.5	66.6
Tael Tijari (OFM) L.P.						
					<b>IRR Kasar</b>	<b>N/M</b>
					<b>IRR Bersih</b>	<b>N/M</b>

Prestasi kewangan Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

\* *Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada 2015.*



# Nota Laporan Portfolio

## 1 Nota Laporan Portfolio

Juruaudit luar, PwC, ditugaskan oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur-prosedur tertentu bagi memuktamadkan Laporan Portfolio di halaman 132 hingga 146 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. PwC telah menyemak maklumat yang terkandung dalam Nilai Aset Bersih Dana dan Prestasi Pelaburan setakat 31 Disember 2016 yang dimuatkan dalam laporan ini untuk menyokong data sumber yang berkenaan dan telah membuat semula pengiraan, di mana perlu.

# Glosari

## **Dana kepada Kumpulan Wang**

Instrumen kewangan yang melabur dalam beberapa kerjasama ekuiti persendirian. Program Penyumberan Luar Ekuinas adalah Dana kepada Kumpulan Wang di mana Ekuinas mengumpulkan modal dengan pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga yang telah dilantik untuk melabur bagi pihaknya.

## **Fi Pengurusan**

Fi pengurusan ketika tempoh pelaburan adalah dikira sebagai peratusan fi yang dikenakan ke atas komitmen yang dibuat oleh rakan terhad kepada dana. Penentu utama beban kerja Rakan Am adalah mencari potensi pelaburan dan ini dipacu oleh saiz jumlah komitmen kepada dana dan bukan amaun sebenar yang dilaburkan pada tahap tertentu dalam jangka hayat dana.

## **Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Bersih %**

Kadar Pulangan Dalaman Bersih diterima oleh Rakan Terhad selepas ditolak fi dan carry. Kadar pulangan dalaman adalah berdasarkan aliran tunai direalisasi dan penilaian faedah berbaki dalam perkongsian. IRR adalah angka anggaran, kerana ia bergantung bukan sahaja kepada aliran tunai tetapi juga penilaian aset yang tidak direalisasi.

## **Kerjasama Awam-Swasta**

Persetujuan/perjanjian kontraktual di antara badan-badan awam, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan pusat dengan syarikat-syarikat swasta untuk menghasilkan projek umum, sosial atau infrastruktur ekonomi.

## **Komitmen**

Jumlah modal tertentu yang dijanjikan untuk dana ekuiti persendirian. Jumlah komitmen kepada dana ekuiti persendirian adalah bersamaan dengan jumlah saiz dana.

## **Modal Pertumbuhan**

Modal pertumbuhan merujuk kepada dana yang digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat atau digunakan untuk mengembangkan perniagaan.

## **Modal Teroka**

Modal teroka adalah sejenis pelaburan ekuiti persendirian yang memberi modal kepada perniagaan baru dan sedang berkembang. Dana teroka ini melabur dalam syarikat-syarikat permulaan dan perniagaan kecil yang mempunyai potensi untuk berkembang dalam jangka masa panjang.

## **Pasaran Baharu Muncul**

Dana yang melabur dalam ekuiti atau memberi pinjaman kepada pasaran baharu muncul yang selalunya mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan mudah berubah.

## **Pelaburan Bersama**

Pelaburan bersama ialah pelaburan minoriti yang dibuat bersama-sama pelabur ekuiti persendirian yang lain. Ianya pasif dan merupakan satu pelaburan tiada kepentingan kerana syarikat ekuiti persendirian yang terlibat biasanya menjalankan fungsi kawalan dan pemantauan.

## **Pelaburan Bolt-on (juga dikenali sebagai Pelaburan Tambahan)**

Pelaburan yang dilaksanakan melalui syarikat portfolio sedia ada, kebiasaannya perniagaan dalam industri yang sama, dan memberikan nilai strategik.

## **Pelaburan Buy-out (juga dikenali sebagai MBO-LBO-MBI-BIMBO)**

Pelaburan buy-out membolehkan pengurusan operasi sedia ada dan pelabur untuk memperoleh atau membeli pegangan saham ketara dalam syarikat yang diuruskan. Syarikat ekuiti persendirian biasanya mendapatkan kepentingan majoriti dalam ekuiti syarikat yang disasarkan apabila buy-out berlaku.

## **Pelaburan Komited**

Amaun modal yang telah dikhususkan untuk pelaburan dalam syarikat portfolio.

## **Pelaburan Persendirian di dalam Ekuiti Persendirian**

Pelaburan oleh dana ekuiti persendirian di dalam syarikat dagangan awam.

## **Pelupusan**

Pengurangan aset atau penjualan perniagaan sedia ada oleh firma.

## **Rakan Am (General Partner)**

Rakan Am bertanggungjawab menguruskan portfolio dan keuntungan dana ekuiti persendirian

## **Rakan Terhad (Limited Partner)**

Institusi atau pelabur individu/sofistikated yang menyumbang modal kepada dana ekuiti persendirian. Dalam kes Ekuinas, Rakan Terhadnya ialah Yayasan Ekuiti Nasional/Kerajaan Malaysia.

## **Rizab Tunai**

Jumlah rizab tunai atau aset cair yang ada untuk digunakan dalam pelaburan.

## **Sektor Tumpuan**

Dana yang dilaburkan khusus dalam perniagaan yang beroperasi dalam industri atau sektor tertentu dalam ekonomi.

## **Strategi “Beli dan Bina”**

Strategi yang menyokong pertumbuhan organik portfolio syarikat melalui perolehan tambahan.

## **Surutan (Drawdown)**

Perbuatan memindahkan modal yang telah dikhususkan kepada dana untuk membuat pelaburan.

## **Syarikat Portfolio/Syarikat Penerima Pelaburan**

Syarikat portfolio atau syarikat penerima pelaburan ialah syarikat atau entiti di mana dana ekuiti persendirian melabur. Kesemua syarikat ini disokong oleh syarikat ekuiti persendirian dan diletakkan di bawah portfolio pelaburan.

Berdasarkan definisi di [www.pregin.com](http://www.pregin.com) dan kegunaan dalaman yang diterima pakai di Ekuinas.



